

TEMA 1
LATAR BELAKANG
MASYARAKAT MALAYSIA

TEMA 1 : BERMULA DAN BERPUTIK

1.1 : SEJARAH MASYARAKAT MALAYSIA

1.1.1 Pendahuluan

Masyarakat Malaysia merupakan masyarakat majmuk atau masyarakat berbilang kaum. Mereka terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India dan etnik di Sabah dan Sarawak. Masyarakat majmuk di definisikan sebagai:

Masyarakat yang mengandungi beberapa kumpulan etnik yang hidup berdampingan dan bercampur gaul, tinggal dalam satu unit politik yang sama tetapi hidup secara berasingan dan tidak bersatu padu, dan mempunyai budaya yang tersendiri.

1.1.2 Orang Melayu

Orang Melayu adalah penduduk asal atau peribumi Tanah Melayu dan merupakan kumpulan etnik terbesar. Kumpulan etnik lain yang tergolong sebagai orang Melayu ialah keturunan Banjar, Bugis, Boyan, Jawa dan Minangkabau.

Masyarakat Melayu semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka merupakan masyarakat yang hebat. Mereka terkenal sebagai pedagang dan pelaut yang handal di Asia Tenggara. Bahkan mereka mampu membina empayar yang luas meliputi sebahagian besar kepulauan Nusantara.



Permulaan Kesultanan Melayu Melaka



Mata wang yang digunakan di Melaka

Walau bagaimanapun, kehebatan orang Melayu mula merosot semasa penjajahan Barat kerana penjajah lebih mengutamakan kepentingan politik dan ekonomi mereka. Selain itu, penjajah juga tidak mempunyai dasar-dasar tertentu untuk membantu memajukan penduduk peribumi. Kesannya, kedudukan orang Melayu jauh ketinggalan dalam semua aspek sama ada politik, ekonomi dan sosial.

Dari segi politik, pentadbiran tempatan yang dahulunya dikuasai oleh Raja-raja dan pembesar telah diambil alih dan dikuasai oleh penjajah. Raja-raja Melayu hanya berkuasa dalam hal agama Islam dan adat istiadat Melayu sahaja.

Orang Melayu juga ketinggalan dalam bidang ekonomi berbanding dengan kaum-kaum lain kerana tumpuan ekonomi mereka kepada kegiatan sara diri. Selain itu,

British juga tidak menggalakkan dan tidak menyediakan peluang ekonomi dagangan kepada orang Melayu. Kegiatan ekonomi dagangan yang mendatangkan pulangan besar dikuasai oleh British dan orang-orang Cina.

Begitu juga daripada aspek sosial, orang Melayu turut ketinggalan. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan-kawasan pedalaman, luar bandar dan tidak bersekolah. Oleh yang demikian, mereka tercicir daripada arus pembangunan yang hanya terdapat di kawasan-kawasan bandar dan kawasan tumpuan ekonomi.

1.1.3 Masyarakat Cina dan India

Kedatangan masyarakat Cina dan India ke Tanah Melayu pada peringkat awal hanyalah sebagai pedagang dan mereka tidak berniat untuk menetap di Tanah Melayu. Antara faktor kedatangan mereka ialah kekayaan hasil bumi seperti bijih timah, bekalan rempah ratus dan hasil hutan.

Semasa penjajahan British, orang Cina dan India dibawa masuk secara beramai-ramai untuk mengusahakan sektor pertanian dan perlombongan di Tanah Melayu. Buruh dari Selatan India dan Ceylon (Sri Lanka) dibawa untuk bekerja di ladang-ladang getah, membina jalan raya dan jalan kereta api. Manakala buruh dari Selatan China dibawa untuk bekerja di lombong-lombong bijih timah serta membuka ladang- ladang gambir dan lada hitam.



Masyarakat majmuk di Malaysia

1.1.4 Penduduk Sarawak dan Sabah

a. Masyarakat Bumiputera Sarawak

Masyarakat peribumi Sarawak terdiri daripada 27 kumpulan etnik. Mereka terdiri daripada orang Iban, Melayu-Brunei, Bidayuh dan Melanau. Golongan minoriti pula terdiri daripada orang Kenyah, Kayan, Kedayan, Murut, Kelabit, Bisayan, Punan/Penan dan lain-lain.

b. Masyarakat Bukan Bumiputera Sarawak

Masyarakat bukan bumiputera Sarawak terdiri daripada orang Cina yang telah berhijrah secara beramai-ramai semasa pemerintahan Dinasti Brooke pada abad 19. Pada peringkat awal, mereka bekerja sebagai pelombong emas di Bau, Sarawak. Sebahagian daripada mereka mengusahakan penanaman gambir dan lada hitam.

Kemajuan sektor pertanian telah menggalakkan lebih ramai orang Cina yang tinggal di Negeri-negeri Selat berhijrah ke Sarawak. Menjelang Perang Dunia Kedua, masyarakat Cina merupakan penduduk yang kedua terbesar di Sarawak selepas orang Iban.



Orang Ulu Sarawak



Tarian Etnik Sarawak

c. Masyarakat Bumiputera Sabah

Di Sabah dianggarkan terdapat lebih 30 kumpulan etnik seperti Murut, Bajau, Kedayan, Orang Sungei, Bisaya, Ilanun, Suluk, Tidung dan lain-lain. Masyarakat Dusun-Kadazan adalah kaum peribumi terbesar manakala masyarakat Melayu merupakan golongan bumiputera minoriti.

d. Masyarakat Bukan Bumiputera Sabah

Masyarakat Cina adalah golongan kedua terbesar di Sabah selepas suku kaum Dusun-Kadazan. Kedatangan mereka adalah kesan daripada pembukaan ladang tembakau dan perkembangan industri getah. Selain itu, mereka juga terlibat dalam bidang perniagaan.



Tarian Sumazau



Etnik Kadazan Dusun

Penutup

Dasar pentadbiran British, kemakmuran ekonomi dan tolak ansur politik telah mewujudkan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Sehingga hari ini mereka semua diterima sebagai masyarakat Malaysia. Sehubungan itu, semua kaum perlu berkerjasama untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian demi membangunkan bangsa dan negara Malaysia ke arah lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

1.2 PENUBUHAN RIDA

1.2.1 Sejarah Penubuhan RIDA

a. *Communities Liaison Committee (CLC)*

Selepas Perang Dunia kedua hubungan antara kaum di Tanah Melayu tidak memuaskan kerana beberapa faktor. Antaranya ialah dasar politik British iaitu pecah dan perintah yang mengasingkan kaum berdasarkan petempatan dan sosio ekonomi.



Barisan Ahli Jawatankuasa CLC

Bagi mengatasi masalah tersebut, kerajaan British telah menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau *Communities Liaison Committee (CLC)* di Pulau Pinang pada Januari 1949. Pada peringkat awal penubuhan, CLC dianggotai oleh dua kaum terbesar iaitu Melayu dan Cina. Kaum Melayu diketuai oleh Dato' Onn b. Jaafar yang mewakili UMNO dan Tan Cheng Lock mewakili MCA. Menjelang Ogos 1949, anggotanya ditambah menjadi 13 orang ahli.

CLC bertanggungjawab mencari penyelesaian masalah perpaduan kaum dan merupakan titik permulaan kerjasama antara kaum. Penubuhan CLC menunjukkan dasar keterbukaan UMNO yang sanggup berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara demi perpaduan antara kaum.

Perundingan antara UMNO dan CLC berlangsung hampir dua tahun. Dalam rundingan tersebut UMNO telah mengemukakan memorandum mempertahankan ketuanan Melayu. Sebaliknya CLC menolak tuntutan tersebut. Dato' Onn memberi kata dua kepada British iaitu UMNO tidak akan bersetuju dengan cadangan CLC selagi kerajaan tidak memberi jaminan bertulis terhadap bantuan ekonomi dan sosial orang Melayu. Sehubungan itu, satu kompromi dicapai antara UMNO – CLC.

Hasil kompromi tersebut beberapa perkara penting dipersetujui iaitu :

- i. Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (Rural Industrial Development Authority-RIDA) pada bulan Oktober 1950. Tujuan penubuhannya adalah untuk memajukan ekonomi dan pendidikan masyarakat luar bandar terutamanya orang Melayu.
- ii. Kerakyatan Negeri 1951 diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu. Bagaimanapun syaratnya ibu atau bapanya telah menjadi rakyat Tanah Melayu.

- iii. Pilihan raya akan diadakan pada masa yang sesuai di peringkat bandaran, negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan.

Hasil daripada kompromi inilah yang membawa kepada penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (Rural Industrial Development Authority- RIDA) pada bulan Oktober 1950.

b. Pengisytiharan Penubuhan RIDA

Pengisytiharan penubuhan RIDA diumumkan oleh Sir Henry Gurney selaku Pesuruhjaya Tinggi British pada bulan Oktober 1950 di Kuala Lumpur dalam mesyuarat CLC. RIDA ditubuhkan dengan tujuan membantu mengatasi masalah kemunduran ekonomi dan kemiskinan di kalangan orang Melayu di luar bandar. Dato Onn Jaafar mencadangkan Lembaga Kemajuan Industri Desa (RIDA) menggunakan peruntukan wang dari kerajaan British bagi membangunkan ekonomi, pelajaran dan kebajikan orang Melayu. RIDA diharapkan akan menjadi alat pembangunan orang Melayu.

Selepas itu, Dato Onn bin Jaafar telah melakukan lawatan ke Sri Lanka pada Januari 1951 bagi mengkaji dan melihat program pembangunan luar bandar yang dilaksanakan di negara tersebut. Kertas laporan yang dibentangkan kepada Majlis Perundangan Persekutuan iaitu Kertas No. 10/1951 dijadikan rangka rancangan RIDA.

Tujuan penubuhan RIDA diperjelaskan seperti pernyataan berikut:

“ satu alat kerajaan yang direka untuk digunakan di semua peringkat perkhidmatan dan menggunakan sumber-sumber jabatan dan rakyat sendiri dan untuk menjadikan semua yang berkaitan dengan kawasan luar bandar sebagai satu pasukan yang bergerak mengikut yang dirancang dan diselaraskan untuk memulihkan kehidupan kampung dan meninggikan taraf kehidupan kampung dan meninggikan taraf kehidupan rakyat luar”

1.2.2 Peranan dan sumbangan RIDA

a. Peranan Utama dan Peranan Umum

Peranan RIDA dapat dibahagikan kepada dua iaitu peranan utama dan umum. Peranan utama ialah merancang dan menjalankan rancangan tertentu bagi kemajuan iktisas ataupun ekonomi kampung di samping memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial masyarakat kampung melalui prinsip “Mahu Menolong Diri Sendiri” (Self Help) yang sentiasa diuar-uarkan oleh Dato’ Onn Ja’afar.



Dato Onn Jaafar mengikuti rombongan RIDA melawat Kelantan

Peranan umum RIDA ialah memberi keselesaan dan meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat kampung yang majoritinya terdiri daripada petani, pekebun, penternak dan nelayan yang miskin. Pada peringkat awal, RIDA berperanan menyediakan kemudahan infrastruktur di luar bandar seperti membina jalan, jambatan, sekolah, pusat kesihatan, balai raya, bekalan air bersih dan lain-lain kemudahan. Pembinaan tersebut dilaksanakan secara gotong-royong oleh penduduk setempat.

b. Strategi Pelaksanaan

- (a) Menyusun dan melaksanakan projek-projek bagi kemajuan kampung seperti membina jalan tanah merah, jambatan kecil, Dewan Orang Ramai, parit dan padang sekolah. Melalui pembinaan ini, RIDA memberikan bantuan kewangan dan khidmat nasihat.
- (b) Bertindak sebagai agen memproses barang-barang pertanian dan perikanan penduduk luar bandar. Ini dilakukan oleh RIDA dengan mendirikan kilang memproses getah, padi, dan limbungan kapal. Tujuannya ialah untuk menghapuskan kegiatan orang tengah yang menjadi salah satu punca kemiskinan penduduk luar bandar.
- (c) Menggalakkan penduduk luar bandar memajukan perusahaan dan bercucuk tanam di dalam kawasan kampung.
- (d) Menyediakan kemudahan latihan kepada golongan wanita seperti ekonomi rumah tangga, pemakanan, kesihatan, jahitan dan kraf tangan.
- (e) Melatih Pegawai-Pegawai Kemajuan Kampung (RDO-Rural Development Officer). Peranannya ialah mentadbir dan menjalankan tugas-tugas RIDA diperingkat negeri. Diperingkat jajahan/daerah, pentadbiran diketuai oleh Penolong Kemajuan Kampung (ARDO). Pegawai-pegawai ini menjadi penghubung antara rakyat dan kerajaan di samping membantu pegawai-pegawai daerah/jajahan.
- (f) Menyediakan peruntukan wang bagi mencapai matlamat RIDA



Pembinaan jalan dilaksanakan secara gotong-royong oleh penduduk kampung.



Limbongan kapal yang diusahakan oleh RIDA pada tahun 1953



Sebuah bot yang dibina di limbongan RIDA

c. Logo dan Struktur Pentadbiran



Logo RIDA



Carta 1 di atas menunjukkan struktur organisasi pentadbiran RIDA daripada peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri, Lembaga Kemajuan Jajahan, Lembaga Kemajuan Kampung dan Persidangan Mukim (berdasarkan kertas No. 10/1951).

d. Lembaga RIDA

Dato' Onn bin Jaafar telah dilantik sebagai Pengerusi atau Ketua Besar RIDA pertama. Beliau telah membentuk Lembaga RIDA bagi menggubal polisi dan dasar RIDA. Lembaga RIDA terdiri daripada 16 orang ahli iaitu:

- i) Pengerusi RIDA (Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri)
- ii) Timbalan Pengerusi RIDA
- iii) Setiausaha Kewangan
- iv) Menteri Hal Ehwal Iktisad (ekonomi)
- v) Menteri Tanaman dan Perhutanan
- vi) Pesuruhjaya Kemajuan Bekerjasama
- vii) Tiga orang ahli yang dilantik oleh Menteri-Menteri Besar
- viii) Seorang ahli yang dilantik oleh Residen-Residen Commissioner

- ix) Enam orang ahli dilantik oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu:
 - a) 1 ahli Melayu
 - b) 1 ahli Kaum Ibu Melayu
 - c) 1 ahli Cina
 - d) 1 ahli Kaum Ibu Cina
 - e) 1 ahli India
 - f) 1 ahli Eropah

Pada tahap awal, RIDA dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Awam Tanah Melayu (MCS). Selepas itu, secara beransur-ansur jawatan-jawatan ini mula diisi oleh pegawai-pegawai dalam perkhidmatan RIDA sendiri. Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pakar dalam bidang latihan, pentadbiran RIDA telah mendapatkan bantuan daripada kerajaan Australia melalui Rancangan Colombo. Sehubungan itu, kerajaan Australia telah meminjamkan jurutera bagi menjayakan projek pembangunan seperti pembinaan jalan, jambatan dan pengairan. Selain itu, RIDA turut mendapat bantuan teknik di bawah anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu.

e. Jawatan Kuasa Kerja


Jawatankuasa Kerja berperanan mentadbir dan menguruskan kewangan serta menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi pihak Lembaga. Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja adalah seperti berikut:

- i) Pengerusi RIDA
- ii) Timbalan Pengerusi RIDA
- iii) Setiausaha Kewangan (atau wakilnya)
- iv) Menteri Hal Ehwal Iktisad/ekonomi (atau wakilnya)
- v) Menteri Tanaman dan Perhutanan (atau wakilnya)
- vi) Dua orang ahli RIDA yang dipilih oleh ahli-ahli yang dilantik oleh Menteri-Menteri Besar dan Residen-Residen Commisioner
- vii) Ahli-ahli RIDA tidak rasmi

f. Lembaga Kemajuan Negeri

Bagi tiap-tiap negeri (Melayu dan Negeri-Negeri Selat) ditubuhkan Lembaga Kemajuan Negeri. Jawatan pegawai Kemajuan Kampung (RDO) akan menjalankan tugas mereka di peringkat negeri manakala Penolong Pegawai Kemajuan Kampung (ARDO) bagi peringkat jajahan atau daerah. Pegawai-pegawai Kemajuan Kampung ini menjadi penghubung di antara rakyat dan kerajaan disamping membantu Pegawai-pegawai Daerah atau jajahan. Susunan bagi Lembaga-Lembaga Negeri ini disusun oleh negeri masing-masing. Pelaksanaan dan penyusunan program RIDA akan dilaksanakan oleh lembaga ini. Syarat-syarat untuk menjadi pengerusi Lembaga Negeri seperti berikut:

- i) Pegawai kanan yang memegang jawatan penting
- ii) Mempunyai kemahiran dalam bidang teknikal dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perniagaan



Bagi melicinkan pentadbiran RIDA pada peringkat MUKIM, Dato Onn telah melantik penghulu sebagai Pengerusi Jawatankuasa Mukim RIDA. Ini menjelaskan bahawa Dato Onn dan RIDA telah menggunakan sistem pentadbiran tradisional dalam memulihkan ekonomi orang Melayu.

g. Masalah Pelaksanaan RIDA

Terdapat beberapa masalah dalam pentadbiran RIDA. Antaranya ialah:-

- a) Kelemahan orang Melayu
 - i) Mereka tidak mempunyai pengalaman dalam perniagaan yang diceburi. Akibatnya perniagaan yang dijalankan mengalami kerugian.
 - ii) Menyalahgunakan wang pinjaman bukan untuk berniaga tetapi digunakan untuk perkara-perkara lain seperti membeli perabot, barang kemas dan motokar.

b) Kelemahan pentadbiran

RIDA semasa ditubuhkan hanya sebagai jabatan kerajaan dan bukan sebagai agensi pembangunan. Oleh itu, RIDA tidak mempunyai kuasa membuat rancangan pembangunan sendiri.

c) Penguasaan jawatan atasan oleh pegawai asing.

Pentadbiran RIDA dikuasai oleh pegawai asing. Mereka diberi tanggungjawab membentuk dasar dan menentukan program pelaksanaan. Oleh itu, keutamaan mereka lebih kepada kepentingan penjahaj daripada kepentingan rakyat.

d) Pemerintahan Darurat

Kegagalan RIDA juga disebabkan oleh keadaan negara pada ketika itu di bawah pemerintahan darurat. Kebanyakan perbelanjaan digunakan untuk menangani ancaman komunis. Oleh itu, peruntukan untuk program pembangunan terpaksa dikurangkan. Contohnya daripada peruntukan sebanyak 700 juta ringgit, hanya 2 juta sahaja diperuntukkan kepada RIDA pada tahun 1952.

Daripada peruntukan tersebut juga, RIDA dikehendaki melatih pegawai Melayu, mengadakan pinjaman, memperkembangkan perusahaan kecil, mengadakan jentera pemasaran hasil pertanian dan mengatasi masalah lain yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi orang Melayu.

Contoh lain ialah wakil rakyat dari Kuala Terengganu Utara iaitu Wan Abdul Kadir bin Ismail mengemukakan rasa tidak puas hati beliau terhadap peruntukan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada RIDA. Beliau menyatakan:-

"RIDA ialah satu jalan yang kita buat untuk menolong dan meninggikan ekonomi orang Melayu tetapi terlalu sedikit modal yang diberikan kepada RIDA. Boleh cukupkah dengan 5 juta ringgit dalam usaha besar membina kembali orang Melayu."

Dalam perbahasan lain (Perbahasan Belanjawan 1966), Wan Abdul Kadir bin Ismail dengan penuh emosi menyatakan:-

".....diuntukkan untuk RIDA sebanyak \$ 3, 560, 000.00 untuk membaiki ekonomi orang Melayu yang seramai 3.5 juta atau 4 juta orang. Kalau kita bahagikan satu kepala dengan peruntukan lebih kurang 3.5 juta ini, baru dapat \$1.00 seorang. Apa boleh orang Melayu buat dengan \$1.00 seorang satu kepala yang disediakan oleh RIDA. Kalau sungguh kita hendak ekonomi orang Melayu dengan RIDA, RIDA harus diperuntukkan dengan peruntukan yang lebih banyak."

e) **Masalah kepemimpinan RIDA**

Pemimpin RIDA didapati tidak mempunyai perancangan yang baik dan melaksanakan tugas hanya sekadar melepaskan batuk di tangga dalam aspek memberi latihan kepada orang Melayu.

Seorang tokoh politik wanita iaitu Khadijah binti Sidek membidas RIDA dalam perbahasan Parlimen mengenai kegiatan yang dijalankan oleh badan tersebut yang tidak sampai kepada kelompok sasaran. Menurut beliau:-

“Sekolah RIDA yang bernama Asuhan Wanita..., saya merasa bahawa keluaran sekolah Asuhan Wanita itu akan menjadi pelatih-pelatih di kampung-kampung tetapi sayangnya, di mana yang sudah-sudah, saya dapati murid-murid yang lepas daripada Sekolah Asuhan Wanita itu tidak ada diberi tugas tertentu di kampung-kampung kerana mereka itu diambil tidak dari taraf yang sama pelajarannya. Ada kadang-kadang tidak tahu langsung menulis dan membaca, dan ada yang pula keluaran daripada Sekolah Inggeris.”

h. Perubahan Peranan RIDA

Berdasarkan kelemahan di atas, RIDA disarankan melakukan perubahan-perubahan berikut:-

- a) RIDA perlu memberi khidmat terbaik kepada orang ramai dalam merangka sebarang permintaan atau nasihat, bimbingan dan latihan yang berkaitan dengan pelbagai projek dan skim yang ingin mereka ceburi.
- b) Menyerahkan tanggungjawab melaksanakan projek-projek pembangunan RIDA kepada Lembaga Kemajuan Negeri supaya pelaksanaannya lebih sempurna dan sampai kepada golongan sasar.
- c) Selain itu, keutamaan pinjaman akan diberi untuk tujuan pembangunan luar bandar dan penambahbaikan status ekonomi mana-mana komuniti yang berada pada tahap rendah atau kurang maju.
- d) RIDA tidak akan melaksanakan kerja-kerja yang boleh dilaksanakan oleh mana-mana jabatan kerajaan.
- e) Keutamaan juga akan diberikan untuk menggalakkan orang-orang Melayu terlibat dalam perdagangan, pengangkutan dan industri kecilan.

i. Perkhidmatan RIDA

a) **Program Latihan RIDA**

i) **Cawangan Latihan RIDA**

Cawangan Latihan RIDA telah ditubuhkan pada tahun 1956. Penubuhan ini membolehkan RIDA menumpukan kepada usaha perancangan program

masa hadapan. Sebelum wujudnya cawangan latihan ini, kebanyakan program latihan adalah lebih kepada kerjasama antara RIDA dengan lain-lain jabatan kerajaan yang berkaitan.

Latihan yang berkaitan ialah seperti penanaman padi, dan pengurusan estet getah. RIDA juga mendirikan kilang memproses getah, padi dan limbungan kapal. Khidmat RIDA ini adalah bertujuan untuk menghapuskan kegiatan orang tengah yang menjadi salah satu punca kemiskinan petani-petani luar bandar.

ii) Dewan Latihan RIDA (1956)

Dewan ini berfungsi sebagai pusat cawangan latihan yang mengendalikan pelbagai program latihan dan kemahiran, khusus untuk anak-anak Melayu. Dewan ini dibuka dengan rasminya pada 14 Februari 1957 di Petaling Jaya, Selangor dengan kos pembinaannya berjumlah RM297,000.00. Kursus di sini telah dikendalikan bermula November 1956. Terdapat 4 jenis kursus ditawarkan iaitu *London Chamber of Commerce Higher Examination*, *London Chamber of Commerce Intermediate Examination*, latihan bagi usahawan kecil dan latihan bagi pembuatan berasaskan sabut selama dua bulan.

Di bawah kursus persediaan bagi menduduki peperiksaan *London Chamber of Commerce*, pelajar-pelajar diberi pendedahan tentang menyimpan kira-kira, menaip, elemen-elemen perdagangan, anggaran, ekonomi, undang-undang perdagangan, kewangan dan perbankan. Pada tahun 1960, kursus-kursus yang dijalankan oleh Dewan ini diperbanyakkan seperti kursus-kursus perakaunan, kesetiausahaan, trengkas dan *London Chamber of Commerce- LCC (Higher Level)*.



b) Perkhidmatan Pengangkutan

RIDA terlibat secara langsung dalam perkhidmatan pengangkutan awam. Perkhidmatan awal bas RIDA adalah di Sungai Manik, Perak bermula 1954. Selain itu, RIDA turut diminta menyelamatkan syarikat orang Melayu iaitu

North-East Transport Service (NETS) di Kelantan pada tahun 1956 dari jatuh ke tangan orang lain.

Perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh RIDA telah memberi kemudahan kepada penduduk kampung yang sebelum itu hanya berjalan kaki dan menggunakan kemudahan pengangkutan air untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat untuk membawa dan memasarkan hasil keluaran mereka.



Perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh RIDA

c) Perkhidmatan Pendidikan

Pendidikan merupakan aset penting bagi membolehkan perubahan status sosial orang-orang Melayu luar bandar. Justeru, RIDA juga memberi tumpuan dalam bidang latihan dan pendidikan secara formal atau tidak formal seperti :-

i) Sekolah Mekanikal Perladangan

Sekolah ini merupakan pusat latihan pertama yang ditubuhkan di Ipoh pada tahun 1954. Tumpuan sekolah ini adalah sebagai pusat latihan bagi membaiki dan mengendalikan traktor ringan bagi kegiatan pertanian.

ii) Taman Asohan RIDA

Taman Asohan ini didirikan di beberapa tempat seperti di Jalan Lornie Kuala Lumpur, Bukit Piatu Melaka dan Rusila Kuala Terengganu. Matlamat penubuhannya ialah untuk mengajar kaum ibu tentang ekonomi rumahtangga, pemakanan, kesihatan, jahitan dan kraftangan. Taman ini dibina dengan kos RM 280,000 dan menerima seramai 80 orang pelatih wanita dari seluruh negara.




Kelas Pendidikan untuk anak-anak Melayu di kampung

iii) Latihan Keusahawanan

Pusat Latihan Keusahawanan ditubuhkan bagi menawarkan kursus seperti Kursus Menyimpan Kira-kira (*Book Keeping*), Perakaunan dan Kursus Persediaan bagi menduduki peperiksaan *London Chamber of Commerce* (LCC).

Kursus ini dijalankan di Dewan Latihan RIDA, Jalan Othman, Petaling Jaya mulai tahun 1957. Nama Dewan ini kemudiannya ditukar kepada Maktab Latihan RIDA (1965), Maktab MARA (1966), Institut Teknologi MARA (ITM – 1967) dan akhirnya menjadi Universiti Teknologi MARA (UiTM – 1999).



Bahagian Tunjuk Ajar RIDA member khidmat nasihat berkaitan kaedah susunan akaun kepada peniaga MARA

PERANAN DAN SUMBANGAN RIDA SELEPAS KEMERDEKAAN

Selepas negara mencapai kemerdekaan, peranan dan tanggungjawab RIDA menjadi semakin penting. Pada Januari 1960 RIDA diberi peranan baru melalui Perintah Dasar Baharu (New Policy Directive) :

- i) Menyediakan kemudahan memproses dan memasarkan barang-barang luar bandar terutama getah dan kelapa kering.
- ii) Membangunkan perusahaan-perusahaan kampung.
- iii) Menyediakan kemudahan pinjaman wang.
- iv) Menjalankan penyelidikan berkaitan dengan rancangan kemajuan yang tertentu.
- v) Menyediakan kemudahan latihan

Melalui dasar baru ini, RIDA tidak lagi menyediakan kemudahan seperti jalan raya, jalan kampung, jambatan, bekalan air, tali air, bagan perahu (pengkalan) dan dewan orang ramai. Tugas pembinaan tersebut diambil alih oleh kerajaan negeri.

Tugas baru RIDA adalah seperti berikut:-

- a) Membantu, memproses dan memasarkan barang-barang keluaran kampung dalam pelbagai projek yang dilaksanakan. Contohnya:-
- i) Membeli dan memproses getah melalui pembukaan kilang getah di Gerisik, Johor pada 1952.
- ii) Membuka kawasan-kawasan baru memproses getah di Meru (Selangor), Padang (Negeri Sembilan), Teras / Dong (Pahang) dan Alor Gajah (Melaka). Sehingga tahun 1965, sebanyak 29 buah pusat memproses getah telah didirikan di seluruh negara.



Dato Onn Jaafar ketika melawat kilang memproses getah

di Gersik, Muar pada 17 April 1953

- ii) Membuka pusat pemrosesan kelapa


Pusat pemrosesan kelapa telah ditubuhkan di Pontian, Johor, Bagan Datoh dan kawasan-kawasan lain.



Tun Abdul Razak Hussein merasmikan pembukaan Pusat Latihan Industri Sabut yang dikendalikan oleh RIDA di Kampung Delek, Kelang Selangor

iii) Memajukan perusahaan-perusahaan di rumah

RIDA juga menubuhkan Dewan Perusahaan Kecil pada awal tahun 1959 bagi membantu memajukan perusahaan-perusahaan di rumah (*cottage industry*). Menerusi program ini, Dewan membeli bahan-bahan mentah seperti tembaga, perak, kain, benang sutera dan dijual pada harga borong kepada pengusaha.



Perusahaan Batik




Kedai-kedai bergerak RIDA

iv) Membuka pekan sehari

RIDA juga membuka pekan sehari bagi membantu pemasaran dan pembangunan perusahaan kampung. Pada awal tahun 1960-an, pemasaran barangan menggunakan kenderaan secara kedai bergerak telah pun dilaksanakan.

a. Peranan RIDA Dalam RANCANGAN MALAYA PERTAMA (1956- 1960)

Di bawah Rancangan Malaya Pertama (1956-1960) peranan RIDA adalah untuk membangunkan masyarakat luar bandar. Antara peranannya ialah memberikan pinjaman kepada pengusaha pertanian kecil, membantu pemasaran hasil pertanian dan menggalakkan penyertaan orang Melayu dalam sektor perniagaan, Kedai Bergerak RIDA, Taman Asuhan RIDA dan Air Telaga RIDA. Peranan RIDA berterusan selepas merdeka dengan membangunkan dan memajukan masyarakat luar bandar melalui pembangunan ekonomi, sosial dan infrastruktur.



Telaga air yang dibina menerusi projek RIDA di Teluk Gedong. Pulau Pangkor


b. Peranan RIDA Dalam RANCANGAN MALAYA KEDUA (1961-1965)

Di bawah Rancangan Malaya Kedua, peranan RIDA ialah :-

1. Meningkatkan kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang baru bagi penduduk di kawasan luar Bandar supaya dapat memperbaiki tahap ekonomi dan kesejahteraan mereka.
2. Memberikan peluang pekerjaan sebanyak 15% kepada penduduk yang menjangkau umur sebagai pekerja.
3. Meningkatkan ekonomi dan melindungi pendapatan perkapita khususnya jika harga getah jatuh.

4. Mempelbagaikan jenis pertanian selain getah dan mengembang dan menggalakkan sektor perindustrian.
5. Menekankan kepentingan perkhidmatan kemasyarakatan khususnya dalam sector pendidikan, kesihatan, perumahan dan pembangunan luar Bandar.

Dalam bidang industri, kerajaan menyediakan pusat latihan, seperti Institut Teknologi Industri dan Maktab Latihan RIDA. Peranan RIDA akan dikembangkan bagi menggalakkan penglibatan penduduk luar bandar dalam industri-industri kecil yang kemudian dapat dihubungkan dengan industri yang lebih besar.



Latihan Kemahiran Teori & Praktikal kepada kakitangan RIDA

Penutup

Tempoh 1950-1964 memperlihatkan perkembangan drastik peranan RIDA bagi membantu meningkatkan tahap ekonomi orang-orang Melayu. Pengisian kepada kemerdekaan pada tahun 1957, Perintah Dasar Baru untuk RIDA pada tahun 1960 dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963 telah mendorong kepada kajian semula peranan RIDA untuk meletakkannya seiring dengan keperluan pembangunan negara. Kongres Ekonomi Bumiputera yang berlangsung pada 5-7 Jun 1965 telah membuka kepada perbincangan tentang peranan RIDA. Usul yang diterima di Mesyuarat Pleno pada 7 Jun 1965 sebulat suara mencadangkan RIDA digantikan dengan nama Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Tokoh RIDA

Dato Onn Bin Jaafar



Dato' Onn Bin Ja'afar dilahirkan di Bukit Gambir, Johor Bahru, Johor pada 12 Februari 1895. Beliau ialah anak kepada Dato' Ja'afar Hj.Muhammad, Menteri Besar Johor yang pertama (1838-1919) dan ibunya Rugayah Hanum seorang wanita Turki yang dibawa oleh Sultan Abu Bakar dari Turki. Dato' Onn pula menjadi Menteri Besar Johor yang ketujuh dari tahun 1946 sehingga 1949. Dato' Onn Ja'afar mempunyai darah keturunan campuran iaitu bapanya berketurunan Bugis Melayu yang berasal dari Daik, Indonesia dan moyangnya berasal daripada keturunan bangsawan Melayu iaitu Bendahara Tepok, yang merupakan bendahara terakhir Melaka semasa dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511. Nenek moyangnya bergerak mengikut keturunan Raja-raja Melaka ke Sumatera, Johor, Riau-Lingga dan Singapura. Hasilnya Tok Abdul Jabar, moyang Dato' Onn mempunyai keturunan yang ramai hasil daripada perkahwinannya di tempat yang menjadi jajahan Melaka. Ini membolehkan Dato' Onn Ja'afar mempunyai hubungan darah dengan hampir kebanyakan pembesar Johor pada zaman pemerintahan Sultan Ibrahim.



Dato Onn Jaafar dalam usia tujuh tahun bersama putera-putera Sultan Ibrahim di Istana Tyersall, Singapura

Semasa kelahirannya Kadi Besar Johor Syed Salim Al-Attas telah memberikan nama kepada Dato' Onn iaitu nama yang bukan menjadi kebiasaan bagi orang Melayu.

Dato' Onn Jaafar yang dilahirkan dalam keluarga elit dalam masyarakat Melayu, mempunyai ahli keluarga yang besar iaitu seramai 15 orang adik beradik. Beliau mendirikan rumah tangga bersama Datin Halimah Hussein dan salah seorang daripada anak mereka ialah Allahyarham Tun Hussein bin Dato' Onn. Beliau meninggal dunia pada tahun 19 Januari 1962, dan dikebumikan di Makan Mahmoodiah, Johor Bahru, Johor.

Pendidikan

Seperti anak-anak Melayu yang lain, Dato' Onn mendapat pendidikan Melayu di sekolah vernakular Melayu di Johor Bahru. Pada sebelah petangnya, Dato' Onn mempelajari Bahasa Inggeris di istana Johor, bersama-sama dengan putera-putera Sultan Ibrahim daripada seorang wanita Inggeris.



Pada tahun 1903, Dato' Onn yang berusia 9 tahun dihantar sebagai pengiring putera-putera Sultan Ibrahim ke sebuah sekolah persediaan, Alderburgh Lodge School, di Suffolk, England, selama 6 tahun. Sekolah ini ialah sekolah persendirian yang menampung keluarga bangsawan dari luar

England. Semasa di bangku sekolah beliau memperolehi pelbagai anugerah pelajar pintar sehingga berjaya mengalahkan pelajar-pelajar Inggeris yang lain. Kepintarannya membawa kebimbangan kepada pihak British dan beliau telah dihantar pulang semula ke Tanah Melayu. Di sekolah Dato' Onn sangat meminati matapelajaran sejarah dan sastera Inggeris. Pendidikannya yang berasaskan sistem pendidikan di England menjadikan Dato' Onn setaraf dengan orang Inggeris.

Pendidikan yang diterima oleh Dato Onn di England telah memberi kesan penting terhadap pemikirannya. Sebagai seorang anak muda yang sedang meningkat remaja,

fikirannya terbuka untuk menerima dan menyerap gagasan-gagasan baru, kritikal dan berani dalam menyuarakan pendapat. Kepulangannya ke Tanah Melayu pada 25 Mac 1910, dengan membawa budaya Barat yang begitu menebal dalam dirinya menyebabkan Dato' Onn tidak fasih berbahasa Melayu. Oleh itu bapanya mengambil tindakan menghantar Dato' Onn ke Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) untuk mempelajari hikayat Melayu, akhbar Melayu dan tulisan Jawi.

Kerjaya

Selepas tamat di MCKK, Dato' Onn diterima bekerja sebagai kerani percubaan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor pada tahun 1911. Ketika itu beliau baru berusia 16 tahun. Pada bulan Mei 1912, Dato' Onn telah dinaikkan pangkat sebagai Pemangku Kerani Besar di Pejabat Perubatan dengan gaji sebanyak RM 15 sebulan. Beliau kemudiannya bertukar ke Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri dan pada 28 Mac 1915 beliau di tempatkan di Pejabat Perbendaharaan. Pada

bulan Mac 1917, beliau memasuki pasukan tentera Johor yang dikenali sebagai *Johore Military Forces (JMF)* dan dengan kecemerlangannya dalam JMF beliau dilantik menjadi Leftenan.

Penghijrahannya ke Singapura telah membawa beliau menceburi bidang kewartawanan pada 1 Januari 1930. Dato' Onn menjadi pengarang utama *Warta Malaya* yang dimiliki oleh Syed Hussin Ali Alsagof selama 3 tahun, dan kemudiannya bergiat aktif dalam akhbar lain di Tanah Melayu dan Singapura seperti akhbar *Lembaga Malaya*, *Lembaga, Warta Ahad* dan menerbitkan buku *Selamat Johor*. Beliau telah banyak menyumbang artikel di akhbar *Sunday Mirror* di Singapura untuk menentang ketidakadilan penjajah. Minatnya yang mendalam terhadap bidang kewartawanan telah membawa kepada usaha menterjemahkan pelbagai artikel dalam Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu antaranya ialah *Hikayat Seribu Satu Malam* yang diterbitkan oleh Universiti Malaya pada 1978.

Ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh Dato' Onn menyebabkan beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor oleh Sultan Ibrahim pada 1936, dan menjadi Setiausaha Sulit Tengku Mahkota Johor iaitu Tengku Ismail. Semasa pendudukan Jepun, beliau dilantik oleh pihak Jepun menjadi ahli Mesyuarat Negeri Johor (MMNJ) sebagai Ketua Pejabat Kawalan Makanan Negeri Johor dan bertanggungjawab kepada pengawalan beras di Johor.

Penglibatannya di dalam arena politik bermula dengan menyertai Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada bulan April 1942 sehingga KMM di bubarkan oleh pihak Jepun kerana tidak mahu menjadi pertubuhan yang kuat dan menuntut kemerdekaan. Jawatannya sebagai Pegawai Makanan membawa kepada beliau membantu ahli KMM yang bergerak di dalam hutan di sekitar Batu Pahat, Yong Peng dan Segamat.

Kehadiran pihak British semula ke Tanah Melayu mencetus semangat kepada Dato' Onn untuk melibatkan diri dalam persatuan Melayu di Batu Pahat. Oleh kerana itu beliau menubuhkan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMS) cawangan Batu Pahat. Beliau menjadi pengerusi Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ) sehingga bergiat aktif menubuhkan cawangan PMSJ di Melaka, Alor Gajah, dan Kampung Umbai Melaka.

Pada 1 Oktober 1946, beliau telah dilantik sebagai Menteri Besar Johor dan selepas tiga tahun berkhidmat beliau telah meletakkan jawatan dan bergiat aktif di dalam UMNO. Penglibatannya secara menyeluruh dalam bidang politik telah memberi peluang beliau memperjuangkan nasib bangsa Melayu, terutamanya dengan memberi sumbangan dengan menubuhkan *Rural and Industrial Development Authority (RIDA)*.

Dato' Onn dan Cadangan Penubuhan RIDA

Dato' Onn dilantik menjadi Pengerusi RIDA pada bulan Disember 1950 sehingga bulan Januari 1955. RIDA ditubuhkan oleh British dengan tujuan untuk membantu mengatasi masalah kemunduran ekonomi dan kemiskinan di kalangan orang Melayu di luar Bandar. Ia adalah desakan Dato' Onn yang melihat kemunduran ekonomi orang Melayu yang akan melemahkan kedudukan politik mereka. Desakan

ini hanya berjaya setelah Dato' Onn bersetuju memujuk ahli UMNO melonggarkan Kerakyatan Negeri pada awal tahun 1951.

Latarbelakangnya yang bertugas sebagai wartawan akhbar pada tahun 1930-an menyebabkan beliau terdedah kepada kemiskinan dan kemunduran orang Melayu. Begitu juga dengan penglibatannya di dalam UMNO yang membawa beliau mengambil langkah-langkah bagi memajukan ekonomi orang Melayu. Dato' Onn percaya salah satu punca kelemahan ekonomi orang Melayu adalah kerana dasar ekonomi British yang tidak menggalakkan perkembangan ekonomi orang Melayu terutama dasar melindungi orang Melayu yang diamalkan oleh British telah memundurkan orang Melayu sendiri. Beliau mencadangkan British memberikan bantuan kewangan diberikan kepada orang Melayu dan menubuhkan Bank Tanah agar tanah orang Melayu yang terlelong dapat ditebus semula. Hasil lawatannya ke Britain pada bulan Oktober 1948 membawa kepada beliau mendesak British menyediakan 10 juta pada tiap-tiap tahun bagi membantu orang Melayu. Bagaimanapun desakan ini gagal dengan alasan perbelanjaan di Tanah Melayu telah pun berjumlah \$ 61 500 000 pada tahun 1949. Walaubagaimanapun dasar British berubah pada tahun 1950 apabila British meminta kerjasama orang Melayu dalam menyelesaikan masalah politik Tanah Melayu terutama mengatasi Parti Komunis Malaya. British meminta UMNO dan Dato' Onn melonggarkan kerakyatan Negeri-negeri Melayu dengan menerima konsep *jus soli* bersyarat bagi kanak-kanak bukan Melayu yang lahir di negeri-negeri tersebut. Dengan kelonggaran itu British berharap sokongan orang Cina dan orang Melayu kepada PKM berkurangan.



Dato Onn berucap buat kali terakhir dalam Perhimpunan Agung UMNO selaku Yang Dipertua pada 26 Ogos 1951 di Kuala Lumpur

Dato' Onn selaku Yang Dipertua UMNO, melihat situasi politik ini memberi peluang baik untuk mendesak British membantu ekonomi orang Melayu. Dalam perundingan membincangkan cadangan kerakyatan *Communities Liason Committee* (CLC) pada tahun 1948 sehingga 1951, Dato' Onn memberi kata dua kepada British. Menurutnya UMNO tidak akan bersetuju dengan cadangan CLC selagi kerajaan British tidak memberi jaminan bertulis terhadap ekonomi dan sosial orang Melayu.

Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Henry Gurney menerima kehendak Dato' Onn itu kerana permintaan Dato' Onn tidaklah satu tuntutan besar. Dato' Onn hanya

menuntut supaya orang Melayu diberi bantuan kewangan, latihan dan pengetahuan baru dalam bidang ekonomi, pelajaran dan pembinaan infrastruktur kampung- kampung Melayu. Dalam mesyuarat CLC di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1950, Henry Gurney mengisytiharkan penubuhan RIDA. RIDA akan ditubuhkan pada bulan November 1950 bagi tujuan membantu kemunduran ekonomi dan kemiskinan orang Melayu luar Bandar. Pada masa yang sama Dato' Onn diisytiharkan sebagai Pengerusi RIDA. Dato' Onn dilantik sebagai Pengerusi RIDA secara rasmi pada bulan Disember 1950. Sebelum ini beliau bertindak sebagai pengerusi tidak rasmi, yang bertugas menyediakan struktur dan rangka kerja RIDA. Ini bermakna, RIDA diumumkan pada November 1950, Dato' Onn dilantik sebagai pengerusi sementara dan disakan secara rasmi sebulan kemudian. Dato' Onn dibantu oleh Dato' Zainal Abidin Abas, ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Persekutuan, sebagai Penolong Pengerusi, manakala J.M Gullick, seorang pegawai *Malayan Civil Service (MCS)* menjadi setiausaha. Pejabatnya terletak di Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur.

Selaku Pegerusi RIDA, Dato' Onn telah menerangkan bahawa Lembaga ini akan menumpukan tenaganya bagi memulihkan keadaan ekonomi orang Melayu. Selain itu beliau menyatakan Lembaga ini tidak pula menyekat pekerjaan sesuatu kaum. Tujuan diadakannya ialah untuk menolong penduduk di kampung-kampung.

Dalam menstrukturkan RIDA, pada Februari 1951 Dato' Onn dibantu oleh beberapa orang yang berpengalaman dalam bidang ekonomi, antaranya S.O.K Ubaidullah, seorang ahli perniagaan India muslim, Raja Ayob bin Raja Bot, bekas Setiausaha Majlis Raja-raja dan pengasas Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur dan Abdul Majid bin Abdul Hamid, pegawai syarikat kerjasama yang berpengalaman. Mereka dibantu oleh kakitangan tetap RIDA iaitu Dato' Zainal Abidin dan J.M. Gullick.

Pada 26 April 1951, Dato' Onn selaku Ahli Dalam Negeri telah mengemukakan undang-undang menubuhkan RIDA dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Setelah RIDA berfungsi selama dua tahun, pada bulan September 1953, Dato' Onn mendesak kerajaan British supaya menaikkan taraf RIDA sebagai sebuah badan berkanun. Dengan lulusnya ordinan tersebut, RIDA boleh membuat peraturan dan perbelanjaan sendiri. Rang Undang-undang ini juga membolehkan satu "*Rural Industrial Development Fund*", ditubuhkan yang akan mendapat sumber kewangan daripada kerajaan iaitu daripada peruntukan tahunan Persekutuan (*Federal Budget*). Ini bererti RIDA akan menjadi salah satu jabatan kerajaan Persekutuan. Desakan yang dikemukakan oleh Dato' Onn telah dpersetujui oleh Majlis Perundangan Pesekutuan. Dengan kelulusan rang undang-undang itu. Dato' Onn membantu RIDA mendapat kedudukan yang lebih baik dalam pentadbiran Persekutuan.

TEMA 2 :
PERALIHAN DAN
PEMBANGUNAN

2.1 : PENUBUHAN MARA

Pendahuluan

Sehingga penubuhan Malaysia pada tahun 1963, kedudukan orang Melayu khususnya dari segi ekonomi masih tertinggal di belakang berbanding dengan kaum – kaum lain di negara ini. Masalah ini telah mendapat perhatian daripada cendekiawan Melayu bagi memperbaiki nasib orang Melayu. Oleh itu, pada 5 – 7 Jun 1965 satu Kongres Ekonomi Bumiputera diadakan bagi membincangkan cara- cara untuk mengatasi masalah kelemahan orang Melayu. Melalui kongres tersebut persetujuan dicapai supaya RIDA dibubar dan digantikan dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Ucapan penutup Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak b. Hussein

“ saya telah terangkan cadangan kerajaan hendak membubarkan RIDA itu hendak memberinya rupa, bentuk, nafas dan jiwa yang baru dan pada hari ini, kongres telah memberi Lembaga itu nama yang baru – MARA. Lembaga ini – MARA akan bertanggungjawab menolong dan menjalankan ikhtiar untuk memperbaiki ekonomi bumiputera..”



Kongres Ekonomi Bumiputera yang bersidang pada 5-7 Jun 1965

Pada bulan Disember 1965, Parlimen Malaysia telah meluluskan Rang Undang-Undang Majlis Amanah Rakyat (MARA). Akta MARA ini telah mendapat persetujuan Diraja pada 9 Februari 1966. Penubuhan MARA telah dikuatkuasakan mulai 1 Mac 1966 di bawah Akta MARA Bil. 20/1966. Akta ini memberi mandat kepada MARA sebagai

.....sebuah pertubuhan yang diperbadankan bernama Majlis Amanah Rakyat yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan tertakluk kepada akta ini bagi maksud-maksudnya, boleh membuat kontrak-kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil memegang dan menggunakan harta yang boleh dialih dan yang tidak boleh dialih dari segala jenis dan boleh memindahkan, menyerahkan, melepaskan, menanggungkan, menggadaikan, memberikan, memindahkan semula atau dengan jalan lain melepaskan, atau membuat apa-apa berkenaan dengan apa-apa harta yang boleh dialih atau yang tak boleh dialih atau yang berkenaan dengan apa-apa hak atas harta itu yang menjadi kepunyaan Majlis mengikut syarat-syarat yang difikirkannya patut.

Selaras dengan kehendak Akta di atas, MARA telah memberikan keutamaan kepada kegiatan-kegiatan berikut:

- i) Mengadakan latihan
- ii) Memberi kemudahan pinjaman wang dengan diikuti oleh nasihat teknik dan profesional
- iii) Menyediakan kemudahan lain seperti membina rumah-rumah kedai dan mengenalpasti jenis-jenis perusahaan yang sesuai.
- iv) Menjalankan usaha-usaha perdagangan dan perusahaan secara persendirian atau bersekutu.

Bagi melaksanakan tugas-tugas di atas, MARA telah menyusun struktur organisasinya kepada tujuh bahagian seperti berikut:

- i) Bahagian Latihan
- ii) Bahagian Kenderaan
- iii) Bahagian Pinjaman
- iv) Bahagian Khidmat Penasihat
- v) Bahagian Perusahaan dan Perdagangan
- vi) Bahagian Pentadbiran
- vii) Bahagian Kewangan dan Kira-kira

Penubuhan MARA pada tahun 1966 bukan sahaja merupakan perubahan dari segi tanggungjawab tetapi juga dari segi struktur organisasinya yang sesuai dengan keperluan semasa. Selain itu, peranan dan tanggungjawab MARA juga meliputi

Sarawak dan Sabah. Sebagai mercu tanda dan simbol perjuangan bangsa Melayu, maka bangunan MARA yang bernilai RM 3.5 juta telah siap dan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak b. Dato' Hussein pada 10 Mac 1967.



Plak Perasmian MARA oleh Y.A.B Tun Abdul Razak Bin Hussein

2.1.2 PERKARA 153 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

Kandungan Perkara 153 Perlembagaan Malaysia

Perkara 153 Perlembagaan Malaysia menetapkan kuasa Yang di Pertuan Agong bagi memelihara hak keistimewaan orang-orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak dalam perkara-perkara berikut;

- 1. Perkhidmatan Awam**
- 2. Biasiswa**
- 3. Danasiswa**
- 4. Pendidikan atau latihan**
- 5. Permit atau lesen**

Walau bagaimanapun, perlembagaan Malaysia juga memastikan Perkara 153 dilaksanakan dengan berhati-hati supaya tidak mengabaikan kaum-kaum yang lain. Perkara 153 ini sebenarnya diwujudkan berdasarkan persetujuan dan tolak ansur antara orang Melayu dan bukan Melayu dalam Parti Perikatan yang dicapai semasa rundingan ke arah kemerdekaan pada tahun 1957. Persetujuan bersama ini dinamakan sebagai **Kontrak Sosial***.

Empat perkara lain yang dipersetujui antara kaum pada tahun 1957 ialah :

- i. Bersetuju menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
- ii. Menerima raja- raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan.
- iii. Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan.
- iv. Raja-raja Melayu menerima kerakyatan secara automatik (Jus Soli) kepada orang bukan Melayu.

Yang di Pertuan Agong, Parlimen dan pihak berkuasa tiada hak untuk melucutkan atau membatalkan perkara-perkara yang terkandung dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia. Dalam erti kata lain, hak keistimewaan orang Melayu tetap mengatasi apa jua undang-undang sama rata yang lain dalam perlembagaan Malaysia.

Peranan MARA dalam merealisasikan Perkara 153

i) Perkhidmatan Awam

MARA telah memberi peluang pekerjaan kepada ramai golongan bumiputera meliputi semua agensi MARA.

ii) Biasiswa

MARA memainkan peranan besar menyediakan biasiswa dan menaja ramai pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran daripada peringkat menengah hingga ke peringkat pengajian tinggi dalam dan luar negara. Selain itu, MARA juga menyediakan skim pinjaman pelajaran boleh ubah.

iii) Danasiswa

MARA memperoleh peruntukan yang besar daripada kerajaan pusat bagi membiayai pemberian biasiswa/pinjaman kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran sama ada di dalam atau luar negara.

iv) Pendidikan dan Latihan

MARA turut terlibat dalam memberikan perkhidmatan pendidikan dan latihan kepada golongan bumiputera. Contohnya Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Giat MARA, Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Profesional MARA (KPM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan Universiti Kuala Lumpur (Uni-KL).

Sejak penubuhannya, MARA telah berjaya melahirkan ramai golongan Bumiputera dalam bidang profesional seperti kejuruteraan, akauntan, perubatan dan bidang pengurusan yang berkaitan dengan perniagaan.

-
- Kontrak sosial di Malaysia merujuk kepada perjanjian oleh bapa-bapa kemerdekaan Negara dalam perlembagaan, dan merupakan penggantian memberi atau quid pro quo melalui perkara 14-18 yang berkenaan dengan pemberian kewarganegaraan Malaysia kepada orang-orang bukan Melayu dan Perkara 153 yang memberikan hak istimewa rakyat kepada mereka daripada kaum bumiputera

2.1.3: MISI, VISI, OBJEKTIF DAN NILAI TERAS PENUBUHAN MARA

MARA sebagai sebuah badan Berkanun di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mempunyai visi, misi dan objektif yang tersendiri.

MOTTO

“MARA terus mara”

Maksudnya agensi ini diminta agar terus mendepani dalam menghadapi cabaran semasa

VISI

Menjadi sebuah organisasi korporat cemerlang, berdikari, berautonomi dan berwibawa:

- Penggerak dan pemangkin yang aktif;
- Pusat jaringan dan rangkaian serta pembangunan perusahaan dan perdagangan;
- Pusat perkembangan dan kemajuan pendidikan dan latihan;
- Pusat maklumat, penyelidikan dan pembangunan; dan
- Sebagai organisasi pemikir.

MISI

Menjadi badan amanah yang unggul dan diberkati untuk mengangkat martabat dan maruah bangsa menerusi pelbagai aktiviti ekonomi, pendidikan dan kemasyarakatan.

OBJEKTIF

Menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera khususnya di luar bandar, supaya menyertai dengan aktif dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan ke arah membentuk masyarakat usahawan Bumiputera yang berdaya tahan, professional dan kukuh.

NILAI TERAS

- **Anggota Organisasi**

"Kami adalah golongan profesional yang amanah, jati diri, berdaya tahan, ukhwah, penyayang & mesra serta beriltizam kepada organisasi dan pelanggan."

- **Proses/Sistem**

"Mengamalkan kepimpinan berjemaah, telus dan dinamik."


- **Organisasi**

"Organisasi perintis, berwawasan, berdaya saing, cermat & berhemah serta adil."

- **Prestasi**

"Memastikan pembangunan yang berterusan dan cemerlang, gemilang dan terbilang".

2.1.4: LAGU MARA (ASAL)



2.1.5: LOGO MARA



RODA BERGIGI (14)

Setiap gigi mewakili negeri dalam Malaysia dimana MARA memberi perkhidmatannya secara terus dan juga jaringan aktiviti keusahawanan yang diterokai oleh Bumiputera.

BUKU TERBUKA

Melambangkan ilmu sebagai teras Organisasi Pemikir yang menjadi wawasan MARA untuk mencapai kecemerlangan dan kemajuan Keusahawanan serta Pendidikan.

JANGKA LUKIS TERBUKA

Menunjukkan usaha MARA memegang amanah untuk menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera dalam bidang keusahawanan menuju kearah Masyarakat Perdagangan & Perindustrian.

SPANAN Dan SKREW

Melambangkan sumbangan MARA di dalam memberi latihan dan pendidikan berteraskan teknologi serta pembangunan sumber tenaga mahir negara. Teknologi merangkumi peringkat asas hingga ke peringkat setinggi-tingginya.



TULISAN RUMI & JAWI MAJLIS AMANAH RAKYAT

Melambangkan kesinambungan imej, identiti kecemerlangan MARA dan penerapan ciri-ciri keislaman.

WARNA

- (a) **Merah** melambangkan keberanian untuk mara hadapan menerokai peluang-peluang baru.
- (b) **Biru** pula melambangkan kemurnian wawasan dan matlamat sebagai Badan Amanah yang unggul dan diberkati untuk mengangkat maruah serta martabat bangsa.
- (c) **Hitam** sebagai lambang keutuhan dan kekukuhan semangat untuk membantu secara berterusan golongan Bumiputera.

2.1.6

: PUISI MARA

AMANAH DAN AMARAH RAKYAT (25 TAHUN MARA)

USMAN AWANG NOVEMBER 1991









Setinggi-tinggi penghargaan kepada pencipta, SN Dato' Dr. Usman Awang yang telah menghadihkan puisi ini kepada MARA.









Majlis Amanah Rakyat










Sebuah nama keramat
Lahir dari percikan amarah suatu bangsa Yang
mundur sosio-ekonominya
Masih menadah tangan menjadi peminta Di
tanah airnya yang hampir sepuluh tahun
merdeka.
Bermula di zaman penjajah dikenal dengan
RIDA - Lembaga Kemajuan Kampung Dan
Perusahaan
Suatu bayangan tipis cara Inggeris melonggarkan
Kritik tajam rakyat terhadap dasar penjajahan.
RIDA yang berdetik pada tahun 1953 Ketika
bara nasionalisma marak menyala Tidak mampu
menampung ghairah rakyat merdeka
Suara Bumiputera yang semakin keras bergema.
Kemunduran dan kemiskinan yang ketara. Tahun
seribu sembilan ratus enam puluh lima Kongres
Ekonomi Bumiputera
Yang Pertama Merumuskan segala duka nestapa
bangsa
Bahawa kita memiliki telaga
Mengapa masih memegang talinya Sedang orang
mencapai timba
Maka segala gaung amarah dileburkan Menjadi
sumpah amanah suatu wawasan Pada detik
1966 yang menentukan RIDA pun dikerandakan
dalam sejarah Untuk sebuah nama baru yang
keramat Majlis Amanah Rakyat
Kini 25 tahun telah berdetik **MARA** mencapai
kedewasaan usia
Mungkinkah bakal tiba Kongres Ekonomi
Bumiputera
Penyelarasan jalur wawasan dua ribuan
Menilai kembali keberkesanan
AMARAH dan Amanah Rakyat yang
dipahatkan.



Pengerusi MARA

Bil	Penjawat		Tempoh Perkhidmatan
1	Y.B Dato' Onn Bin Jaafar		1.8.1950 – 31.12.1954
2	Y.Bhg Tan Sri Dato' Zainal Abidin Bin Hj.Abas		1.1.1955 – 10.4.1957
3	Y. Bhg Tan Seri Dato'Hj Ahmad Bin Perang		11.4. 1957 – 20.8.1959
4	Y. Bhg Tan Sri Dato Seri Osman Bin Talib		21.8.1959 – 2.12. 1959
5	Tuan Hj Ahmad Bin Daud		3.12.1959 – 7.5.1962
6	YM Tunku Tan Sri Muhammad Bin Almarhum Tunku Besar Burhanudin		8.5.1962 – 15.7.1962
7	Y.Bhg Dato Abdul Rahman Bin Musa		16.7.1962 – 7.6.1967
8	Y. Bhg Tan Sri Taib Bin Andak		8.6.1967 – 31.8.1967

9	Y.B Tun Abdul Ghafar Bin Baba		1. 9.1967 – 31.10.1971
10	Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa Bin Hj. Abdul Jabar		(1/11/1971-31/1/1973
11	Encik Abdul Aziz Bin Hj. Mohd Ali		(1/2/1973 - 17/9/1973
12	Encik Ahmad Bin Hj. Abd. Rahim		18/9/1973 - 30/9/1974
13	Y.Bhg. Dato' Sulaiman Bin Osman		(1/10/1974 - 31/5/1975
14	Y.B. Tan Sri Abd. Aziz Yeop		(1/7/1975 - 23/8/1978
15	Y.Bhg. Dr. Nawawi Mat Awin		1/11/1978 -15/10/1982
16	Y.Bhg. Dato' Abdul Rahim Bin Abu Bakar		(16/10/1982-16/7/1984

17	Y.Bhg. Dato' Mohd Ridzuan Bin Abdul Halim		17/7/1984 - 16/8/1984
18	Y.A.B. Dato' Seri DiRaja Mohd Tajol Rosli Bin Tan Sri Ghazali		(17/8/1984 - 31/8/1986
19	Y.B. Dato' Hj. Khalid Bin Yunus		1/9/1986 -31/10/1987
20	Y.Bhg. Dato' Ismail Bin Said		(1/11/1987 - 15/1/1991
21	Encik Mohd Tamrin Bin Abdul Ghafar		(16/1/1991- 15/1/1993
22	Y.B. Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz		17/3/1993 - 23/7/1995
23	Y.Bhg. Dato' Othman Bin Abdul		24/7/1995 - 30/3/1998
24	Y.B. Datuk Ruhanie Haji Ahmad		1/4/1998 - 31/3/2000
25	Y.B. Datuk Wira Abu Seman Yusop (	03/4/2000 - 31/3/2004

26	Y. Bhg Datuk Zamani Bin Md. Noor		(03/4/2004 - 15/7/2004)
27	Y.B. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid Bin Haji Zainal Abidin		16/7/2004 - 15/7/2008
30	Y.B. Dato` Seri Idris Bin Jusoh		(16/7/2008 - 15/7/2010)

b) KETUA PENGARAH MARA

Ketua Pengarah adalah Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau adalah dilantik oleh Menteri dengan tanggungjawab utama adalah seperti berikut:-

- i) Menyediakan program, skim atau projek untuk pertimbangan Majlis.
- ii) Mengeluarkan panduan dasar atau penerangan mengenai keputusan-keputusan Majlis kepada pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Majlis.
- iii) Menyelia dan mengawal keputusan-keputusan berkenaan.

Sejak MARA ditubukan, terdapat 12 Ketua Pengarah MARA yang dilantik untuk menerajui organisasi MARA. Mereka ialah seperti Jadual 3 di bawah.

KETUA PENGARAH MARA

				
Y. Bhg Tan Sri Ishak Bin Tadin (3/8/1970 - 23/09/1973)	Encik Ahmad Bin Hj. Abdul Rahim (24/9/1973) - 27/10/1974)	Y. Bhg. Dato' Sulaiman Bin Osman (28/10/1974- 22/3/1977)	Y. Bhg. Dr. Abdul Aziz Bin Hj Mahmud (23/3/1977 - 22/3/1979)	Tuan Hj. Mohd Rasli Bin Mohd Nawi (23/3/1979 - 10/6/1981)



Pengerusi Majlis adalah juga menjadi Pengerusi MARA. . Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Majlis adalah dilantik oleh Menteri bagi satu tempoh yang ditetapkan mengikut budi bicara Menteri. Ahli-ahli Majlis yang lain dilantik bagi tempoh yang tidak melebihi 2 tahun. Jadual 2 di bawah pula ialah senarai nama-nama yang pernah memegang jawatan Pengerusi MARA.

Bangunan MARA daripada pelbagai sudut



Blok Podium berbentuk perahu melambangkan semangat pengembaraan dan penerokaan serta keinginan untuk melangkah lebih jauh mengejar impian. Konsep perahu ini mencerminkan budi pekerti masyarakat Melayu yang sentiasa meneroka bidang-bidang baru demi kemajuan dan keutuhan masa hadapan bangsa.

2.2.2 PEJABAT MARA LUAR NEGARA

MARA turut membuka beberapa buah pejabat di luar negara di Washington, London, Indonesia, Australia, Ireland, Jerman dan Mesir. Antara objektif penubuhan pejabat MARA di luar negara ialah :

- a) Menjaga kebajikan pelajar
- b) Mengawasi prestasi akademik pelajar
- c) Memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada pelajar
- d) Mewujudkan dan mengekalkan hubungan baik dengan universiti-universiti di luar negara
- e) Menguruskan harta MARA di luar negara

Pejabat MARA Washington

Pejabat MARA Washington dikenali sebagai Jabatan Penuntut Malaysia Amerika Syarikat telah ditubuhkan pada tahun 1974 dibawah naungan Kedutaan Besar Malaysia, Washington D.C. Pada tahun 1982 jabatan ini telah diperluaskan dengan pembukaan dua buah pejabat wilayah di Los Angeles dan Chicago.

Pejabat MARA London

Pejabat MARA London ditubuhkan pada 1973 bertempat di Bryanston Square. Pada Julai 2001 pejabat MARA London kemudian berpindah ke bangunan Pesuruhjaya Tinggi di Belgrave Square. Pada Julai 2004 Pejabat MARA London mula beroperasi di Queensborough Terrace.

Pejabat MARA Indonesia

Pejabat MARA di Indonesia mula beroperasi di Kedutaan Malaysia, Jakarta pada 29 Mac 2007. Penubuhannya bertujuan untuk menjaga kebajikan pelajar-pelajar tajaan MARA yang menuntut di beberapa buah universiti di Indonesia. Sesuai dengan usaha MARA untuk menggalakkan lebih ramai usahawan bumiputera meneroka pasaran di luar negara, Pejabat MARA Indonesia juga berperanan membantu usahawan-usahawan bumiputera di

Malaysia yang ingin mewujudkan usaha kerjasama dengan usahawan-usahawan di Indonesia. Pejabat ini diketuai oleh Pengarah MARA Indonesia dan dibantu oleh pegawai dan kakitangan.



Pejabat MARA Indonesia

2.2.3 ANAK SYARIKAT MARA

Amanah Saham MARA Berhad

Amanah Saham MARA Berhad (ASMB) ditubuhkan pada 24 Jun 1967 dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA). ASMB memulakan operasinya pada 1 Julai 1967. Perkhidmatan yang disediakan oleh ASMB ialah menguruskan Unit Trust, tabungan, pengurusan aset dan pemegang harta.

Objektif ASMB

- a) Mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai kumpulan perkhidmatan kewangan yang utama dengan menyediakan produk yang inovatif dan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan
- b) Memberi pulangan yang optimum dari segi keuntungan/ dividen kepada pemegang tabung amanah.
- c) Menyediakan produk yang berkualiti dan perkhidmatan yang cekap bagi memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan
- d) Membina polisi dan budaya kerja yang berdedikasi serta komited untuk mencapai misi korporat bagi meningkatkan profesionalisme dan produktiviti.

Misi Korperat ASMB

Menjadi kumpulan kewangan yang terkemuka, kukuh, stabil, sensitif dan bertanggungjawab kepada pelanggan.

Institut Usahawan Bumiputera(IUB)



Institut Usahawan Bumiputera telah ditubuhkan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada 8hb Mac 1983 dibawah Akta Syarikat 1965. Tujuan penubuhannya untuk melatih dan membimbing para usahawan bumiputera di dalam bidang keusahawanan khasnya bidang latihan kontraktor, usahawan dan pengurusan perniagaan yang melibatkan Kursus Usahawan Tani dan Kursus Usahawan Kontraktor. Contoh-contoh kursus yang dianjurkan seperti :

- a) Kontraktor Binaan Teknikal Asas
- b) Peranggaran Harga Jalan Bitumin, Jalan Pertanian/Ladang dan Jalan Luar Bandar
- c) Kerja-kerja Pemasangan Paip
- d) Kerja-kerja *Water Proofing*
- e) Kerja-kerja Pencegahan Kebakaran

Objektif IUB

- a) Menjadi perunding pembangunan keusahawanan dan pengurusan perniagaan kepada usahawan Bumiputera
- b) Menyediakan modul keusahawanan yang diiktiraf oleh organisasi atau agensi berwibawa

- c) Menyatukan tenaga dan pemikiran antara usahawan dan perunding
- d) Membekal dan menyebarkan maklumat yang diperlukan oleh usahawan

Fitec Sdn.Bhd

F.I.T Center Sdn. (FITEC) atau Pusat Sumber Teknologi Perabot merupakan sebuah syarikat milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) dan beroperasi di bawah pentadbiran Bahagian Pembangunan Usahawan MARA (BPU). Syarikat ini telah didaftarkan pada 28 Januari 1994 di bawah Akta Syarikat 1965, dan telah beroperasi sepenuhnya sejak tahun 1995. Peranan FITEC adalah sebagai peneraju utama Pembangunan Industri Perabot di Malaysia.

YAYASAN PELAJARAN MARA (YPM)

Yayasan Pelajaran MARA(YPM) diwartakan pada 1 Mei 1969 bertujuan :

- a) Menyediakan kemudahan pelajaran dan latihan kepada bumiputera
- b) Menggalakan pelajaran dan latihan bumiputera
- c) Menyediakan biasiswa dan lain-lain bantuan kewangan kepada bumiputera untuk membolehkan mereka melanjutkan pelajaran

Pembangunan dan Kemajuan YPM

Dalam tempoh 13 tahun pertama penubuhannya, YPM lebih memberi tumpuan kepada aktiviti pengumpulan harta dan aset. Pada tahun 1983-1997, YPM memberi kemudahan dan galakan dalam pelajaran serta latihan kepada bumiputera . Kini, YPM lebih memberikan tumpuan kepada penubuhan, pentadbiran dan pengurusan tabung dana “Kumpulan Wang YPM”. Tabung ini bertujuan meningkatkan taraf pendidikan dan taraf hidup golongan bumiputera.

Program Pembiayaan dan Bantuan Pendidikan YPM

Program ini bertujuan membantu pelajar bumiputera menyambung dan meneruskan pengajian. Program/ skim yang ditawarkan seperti :

- a) Pembiayaan Pendidikan
 - Skim Pembiayaan Pendidikan YPM (SPIN)
- b) Bantuan Pendidikan
 - 1. Skim Anak Angkat YPM (SAA)
 - 2. Skim Bantuan Persekolahan YPM (SBP)

3. Skim Bimbingan Pendidikan Bersamamu TV3 (SBSM)
4. Skim Bantuan Khas Pendidikan YPM (SBKP)
5. Skim Dana Ehsan Pendidikan YPM (SDEP)

Program Strategik YPM

Program-program strategik YPM bertujuan untuk membantu mempertingkatkan pencapaian akademik dan sahsiah pelajar bumiputera sebagai menyumbang usaha untuk memperkasa ilmu dan pengetahuan bumiputera ke arah melahirkan bangsa Melayu dan masyarakat bumiputera yang berilmu,berpengetahuan dan berkemahiran. Antara program-program strategik YPM ialah:

a) Program Kecemerlangan Ilmu dan Pendidikan

Program ini bertujuan mempertingkat kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar-pelajar bumiputera di setiap peringkat persekolahan.

Sasaran program ini ialah :

- i. Pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga peringkat pengajian tinggi,
- ii. Ibu bapa dalam lingkungan umur 30-an,
- iii. Guru-guru di peringkat sekolah rendah dan menengah.

b) Program *For Individual Career Development (PRIDE)*

PRIDE merupakan Program Latihan Kemahiran Insaniah (*soft skill*) khusus untuk bakal graduan bumiputera di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang dibangun dan dilaksanakan oleh YPM dengan kerjasama Open University Malaysia (OUM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan institusi-institusi pengajian tinggi yang berkaitan

c) *Career Development Centre (CDC)*

CDC ialah pusat maklumat maya (*virtual centre*) yang diwujudkan oleh YPM dengan usahasama pihak Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Open University Malaysia (OUM). Objektif CDC ialah :

- i. mewujudkan komuniti bestari (*intelligent community*)
- ii. menyediakan maklumat mengenai peluang-peluang perniagaan
- iii. menyediakan kemudahan kepada graduan untuk memuatkan *resume* mereka dalam portal CDC .
- iv. menyediakan maklumat kepada para pelajar sekolah, guru-guru dan ibu bapa mengenai kerjaya serta menyediakan perkhidmatan kerjaya
- v. memberikan maklumat kepada para pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) mengenai kemudahan tempat-tempat untuk menjalani latihan praktikal/industri
- vi. memberikan maklumat mengenai kegiatan dan aktiviti yang boleh menjana pendapatan

TEMA 3 : **CABARAN DAN HARAPAN**

3.1 : PERANAN DAN SUMBANGAN MARA DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BUMIPUTERA (MPPB)

3.1.1 Bidang keusahawan

Sektor usahawan merupakan sektor utama yang menjadi nadi penggerak kepada aktiviti usahawan MARA. Inisiatif-inisiatif berbentuk program-program dan aktiviti yang pelbagai telah dirancang dan dilaksanakan supaya tahap perniagaan usahawan bumiputera terus meningkat. Matlamat utama Sektor Usahawan ialah:

- a) Mempercepatkan pertumbuhan perniagaan kecil dan sederhana bumiputera kearah pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)
- b) Mengwujudkan, membangunkan, mengekalkan dan memperkukuhkan usahawan Bumiputera yang berilmu, berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Terdapat lima bahagian dalam Sektor Usahawan yang mempunyai matlamat dan objektif khusus dalam memainkan peranan penting untuk mencapai misi dan visi MARA. Bahagian-bahagian di bawah Sektor Usahawan ialah:

- a) Pembangunan Usahawan (Entrepreneur Development)
- b) Pembiayaan Perniagaan (Bussiness Financing)
- c) Pembangunan Infrastruktur Perniagaan (Bussiness Infrastructure Development)
- d) Kenderaan MARA (*MARA Liner*)

Bahagian Pembangunan Usahawan

Matlamatnya ialah mewujudkan usahawan kelas menengah dan menambahkan aset dan ekuiti Bumiputera, dengan melancarkan Program Peruncitan Bumiputera (PPB) sebagai menyambut hasrat kerajaan supaya industri peruncitan bumiputera dibangunkan secara terancang dan berkesan untuk menjadi bumiputera yang berdaya saing.

Program Pembentukan Teknopreneur juga akan terus berjalan dalam pelbagai industri yang strategik seperti berasaskan pertanian iaitu bioteknologi dan herba, industri perabot/ biokomposit, industri perkhidmatan ICT, automotif, elektif / elektronik, logistik dan industri makanan selaras dengan keperluan negara kearah mempertingkatkan usaha untuk memantapkan usahawan supaya terus berdaya saing.

Aktiviti-aktiviti yang dimaksud adalah seperti berikut:

- a) Latihan Keusahawanan
- b) Kemudahan Pengeluaran dan Perintisan (KPP)
- c) Khidmat Runding Cara
- d) Pembangunan Produk, Promosi dan Pemasaran

- e) Program Usahawan Teknikal (PUTEK)
- f) Pusat Sumber Teknologi Perabot (FITEC)
- g) Inkubator Teknologi Perkilangan (INTEP)

a) Latihan Keusahawan

Latihan ini menyediakan program pakej latihan bagi bumiputera memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawan untuk menjadi usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing. Komponen aktiviti ini merangkumi:

- i) Latihan Pembentukan Usahawan – Bertujuan memberi khidmat latihan kesedaran, pengetahuan dan panduan kepada bakal usahawan serta meningkatkan tahap keusahawan dan perniagaan usahawan sedia ada.
- ii) Latihan Teknopreneur – Satu pakej latihan kemahiran dan pengetahuan yang boleh meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bakal usahawan dalam satu bidang tertentu yang bernilai komersial melalui kerjasama pintar dengan pusat penyelidikan / kemahiran awam / swasta atau pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D). Antara perkongsian pintar yang dilaksanakan oleh MARA dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / institusi penyelidikan yang lain seperti berikut:
 - a) MARA – SIRIM (MASTEC)
 - b) MARA – UTIM (SKIT)
 - c) MARA – MdeC (MITEC)
 - d) MARA – MARDI (TEKMAR)
 - e) MARA – MCU (KUTPM)
 - f) MARA – MIGHT (SmarT)
 - g) MARA – UPM (TAMU)
- iii) Program Peruncitan Bumiputera

Bahagian Pembiayaan Perniagaan

Program Pembiayaan Perniagaan bertujuan menyediakan kemudahan pembiayaan berlandaskan syariat Islam bagi membantu usahawan dan bakal usahawan memulakan dan meingkatkan perniagaan atau perusahaan mereka. Skop kemudahan pembiayaan meliputi sektor-sektor Pembuatan, Perdagangan, Perkhidmatan, Pemborongan, Pengangkutan dan Perniagaan. Kemudahan pembiayaan disediakan khas untuk usahawan dan bakal usahawan bumiputera dalam industri kecil dan sederhana melalui pelbagai skim pembiayaan seperti berikut:

- a) Skim Pembiayaan Am
- b) Skim Pembiayaan Kontark
- c) Skim Pembiayaan Khas, Pembuatan dan Francais

Empat Kaedah berlandaskan syariat Islam iaitu:

- a) Al – BaiBithaman Ajil (Jualan dengan harga tangguh)
- b) Al- Muharabah (Jualan dengan tambah untung)
- c) Al- Hijarah (Pajakan dan sewa)
- d) Bai-Al- Inah (Menjual sesuatu barangan dengan harha tangguh kepada pembeli)

Bahagian Pembangunan Infrastruktur Perniagaan

Bahagian ini berperanan menyediakan ruang berniaga / ruang kilang untuk disewa bagi menambah bilangan usahawan bumiputera serta meningkatkan lagi tahap usaha niaga mereka. Objektifnya menambah bilangan serta mempertingkatkan tahap kemampuan bumiputera ke arah mencapai matlamat mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Antara usaha-usaha bahagian ini ialah:

- i) Pembangunan premis
- ii) Penyewaan
- iii) Pemasaran
- iv) Senggaraan dan pembaikan

i. Pembangunan premis

Betanggungjawab merancang dan melaksanakan :

- i. Pembinaan bangunan
- ii. Pembelian bangunan

ii. Penyewaan

Antara aktiviti yang dilaksanakan dengan cara-cara berikut :

- i. Menyediakan ruang niaga dan menyediakan ruang kilang pada kadar yang berpatutan
- ii. Menentukan kadar sewa yang kompetitif dengan mengambil kira kadar pasaran, kos pengurusan bangunan, jenis perniagaan dan kedudukan ruang sewa
- iii. Memantau kutipan bayaran sewa
- iv. Melaksanakan *exit policy* yang memberi laluan kepada lebih ramai usahawan baru yang masih belum mempunyai tapak untuk memulakan perniagaan

iii. Pemasaran

Aktiviti pemasaran berfungsi :

- i. Membangun dan mempertingkatkan tahap keusahawanan penyewa
- ii. Pelaksanaan dan penentuan *trade-mix* dan susun atur ruang niaga mengikut jenis perniagaan untuk keselesaan,keperluan penyewa dan pelanggan

- iii. Menwujudkan tarikan dan keceriaan permis melalui pengindahan bangunan,pencahayaan,seni taman,keceriaan dan kebersihan dalaman serta luaran
- iv. Menwujudkan jaringan antara semua penyewa ruang niaga industri MARA serta usahawan-usahawan lain
- v. Meningkatkan kecekepan pengurusan kompleks melalui khidmat pengurusan bangunan swasta

iv. *Senggaraan dan Pembaikan*

Bahagian ini bertanggungjawab :

- i. Menyediakan dan membekalkan khidmat senggaraan dan pembaikan bangunan
- ii. Menyediakan khidmat kawalan keselamatan untuk kompleks dan aked
- iii. Menyediakan khidmat pencucian untuk kompleks dan aked

Kenderaan MARA

Sejarah perkhidmatan kenderaan bas telah dimulakan oleh RIDA pada tahun 1954 di Sungai Manik , Perak dan diteruskan hingga kini. Pada peringkat awal, perkhidmatan yang disediakan ialah bas berhenti-henti yang menghubungkan kawasan luar bandar dan pusat pertumbuhan ekonomi baru dengan pusat-pusat bandar. Ia lebih bersifat perkhidmatan sosial bagi menampung keperluan pengangkutan masyarakat luar bandar.

MARA juga terlibat dalam menyediakan perkhidmatan bas ekspres perjalanan jarak jauh antara negeri dan Kuala Lumpur. Sehingga tahun 1979, beberapa projek Kenderaan Bas MARA (KBM) telah diserahkan kepada individu dan syarikat berstatus bumiputera untuk diusahakan . Walau bagaimanapun, terdapat individu yang gagal memajukan perkhidmatan syarikat bas yang diambil alih dan menyerahkan kembali kepada MARA.

Mulai tahun 2005 perkhidmatan bas MARA telah diperkemaskan dan dipertingkatkan di bawah nama baru iaitu *MARA Liner*. Objektifnya ialah menyediakan rangkaian pengangkutan awam yang cekap dan berkesan .

Strategi Mara Liner

- i. Perkhidmatan bas yang cekap diantara luar bandar dan pusat pertumbuhan baru
- ii. Program-program bersepadu dan khidmat sokongan bagi membantu dalam pembangunan industri pengangkutan bumiputera
- iii. Menyerahkan projek-projek yang berdaya maju kepada individu atau syarikat bumiputera yang berkemampuan

Jenis Perkhidmatan *MARA Liner*

MARA Liner menyediakan perkhidmatan bas awam di kawasan luar bandar dan pusat pertumbuhan baru. Jenis perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

- a) Perkhidmatan bas berhenti-henti
- b) Perkhidmatan bas ekpress
- c) Perkhidmatan bas sekolah
- d) Perkhidmatan bas sewa khas

3.1.2 BIDANG PENDIDIKAN

Sektor pendidikan merupakan teras kepada keseluruhan program pendidikan MARA. Pendidikan ini merangka dan melaksanakan pelbagai program untuk memastikan matlamat pendidikan MARA akan tercapai. Bahagian di bawah sektor ini ialah:

- a) Pendidikan dan Latihan (Menengah)
 - Maktab Rendah Sains MARA
- b) Pendidikan dan Latihan (Kemahiran)
 - Institut Kemahiran MARA
 - Kolej Kemahiran Tinggi MARA
- c) Pendidikan Tinggi
 - Kolej MARA
 - Kolej Profesional MARA
 - Universiti Kuala Lumpur dan cawangan
 - German Malaysian Institut
 - Kolej Poly-Tech MARA
- d) Pusat Giat MARA
- e) OISCA

Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) (BPLM)

Sejarah penubuhan BPL(M) telah bermula sejak tahun 1971 dengan nama Unit MRSM. Mulai 1 Mac 1978 unit MRSM telah dinaikkan tarafnya kepada Cawangan Urusan MRSM. Mulai 1 Januari 1982, apabila berlaku perubahan kepada struktur organisasi MARA, Cawangan Urusan MRSM telah diubah namanya kepada Cawangan Pelajaran Menengah (CPM). Pada 1 Julai 1983, CPM telah dinaikkan tarafnya menjadi Bahagian Pelajaran Menengah (BPM). Nama Bahagian Pelajaran Menengah kemudiannya ditukar kepada Bahagian Pendidikan Menengah pada 8 Oktober 1998 selaras dengan perluasan fungsi dan penstrukturan semula organisasi MARA. BPM seterusnya ditukar kepada Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) (BPL(M)) pada 1 Januari 2004 iaitu selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia.

Pejabat operasi BPL(M) bermula di bangunan Kompleks Pertama dan kemudiannya dipindahkan ke bangunan MARA (lama). Selepas bangunan baru MARA (Kompleks Medan MARA)dibuka, pejabat BPL(M) dipindahkan ke bangunan baru tersebut sehingga ke hari ini.

Pentadbiran BPL(M) terbahagi kepada tiga cawangan iaitu ;

- a) Cawangan Pembangunan Kurikulum
- b) Cawangan Pengurusan dan Perkhidmatan
- c) Cawangan Hal-Ehwal Pelajar

Cawangan Pembangunan kurikulum bertanggungjawab melaksanakan program pendidikan menengah. Selain itu, cawangan ini berperanan menyelaras dan memantau segala program/aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di MRSM serta sentiasa melakukan penambahbaikan dalam bidang akademik dan kokurikulum. Cawangan ini dibahagikan pula kepada tiga urusan iaitu, urusan Sains Sosial, Urusan Sains dan Matematik, Urusan Teknologi dan Pendidikan (Unit Sains Komputer, Bestari, Ujian dan Peperiksaan)

Cawangan Urusan dan Perkhidmatan bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan BPL(M) dan MRSM berjalan lancar disamping melaksanakan projek-projek pembangunan dan pembesaran MRSM. Peranan cawangan ini juga merancang dan memilih tenaga pengajar yang berkeترampilan serta menyediakan latihan untuk peningkatan kualiti dan kerjaya. Cawangan ini dibahagikan kepada dua urusan iaitu Urusan Pengurusan (Unit Khidmat Urusan, projek, senggaraan dan alatan akademik). Kedua ialah Urusan Perkhidmatan (Unit Perkhidmatan dan Latihan Guru).

Cawangan Hal Ehwal Pelajar bertanggungjawab menentukan dasar hal ehwal pelajar dalam sistem pendidikan MRSM. Cawangan ini juga bertanggungjawab memilih pelajar-pelajar yang berpotensi tinggi serta membangunkan program-program pembangunan pelajar. Cawangan ini mempunyai tiga unit iaitu Unit Pengambilan dan Penempatan, Unit Disiplin dan Kebajikan, Unit Kaunseling dan Kokurikulum.

MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)

Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) ditubuhkan sebagai salah satu usaha pelaksanaan objektif MARA dalam bidang latihan dan pendidikan yang terkandung dalam Akta Majlis Amanah Raya Bil. 20, Tahun 1966.

Sejarah penubuhan MRSM bermula pada tahun 1968 apabila MARA melalui bahagian Latihan membuat permohonan kepada kerajaan untuk membolehkan MARA menubuhkan MRSM. Gesaan ini timbul setelah MARA mendapati agak sukar untuk

mendapatkan calon- calon bumiputera yang layak untuk diberi biasiswa bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang sains dan teknologi.

Permohonan MARA telah dipersetujui oleh kerajaan pada tahun 1970. Sebagai langkah permulaan hanya tiga buah MRSM sahaja yang diluluskan penubuhannya. MARA telah memperuntukkan sebanyak RM 2 juta untuk pembinaan tersebut. MRSM pertama ditubuhkan di Seremban (1972), Kota Bharu (1973) dan Kuantan (1974). Matlamat MARA ialah untuk menubuhkan sebuah MRSM di setiap negeri di Malaysia sebelum berakhirnya Rancangan Malaysia ke-empat.



Objektif Penubuhan MRSM

Objektif awal penubuhan MRSM ialah :

- i. Memenuhi keperluan pelajar yang mempunyai keupayaan minda yang tinggi serta berminat dalam bidang Sains dan Matematik.
- ii. Mendedah dan memupuk minat pelajar- pelajar kepada pendidikan berorientasikan Sains di peringkat yang lebih awal.
- iii. Membudayakan Sains sebagai sebahagian daripada aspek kebudayaan Malaysia.
- iv. Mewujudkan program- program tertentu ke arah meningkatkan kualiti pelajar dalam potensi diri, prinsip hubungan manusia, kecekapan ekonomi dan orientasi keusahawanan.

Justifikasi/ Konsep Penubuhan MRSM

Justifikasi / Konsep penubuhan MRSM dikemukakan kerana faktor- faktor berikut :

- i. kekurangan bilangan anak- anak bumiputera yang mempunyai kelulusan dalam bidang sains dan teknologi di kelas- kelas tingkatan enam di sekolah- sekolah kerajaan dan di institusi pengajian tinggi.
- ii. Ketidakseimbangan antara kaum dari segi pencapaian dalam pelajaran dan penyertaan dalam pekerjaan .
- iii. Perbezaan mutu sekolah di peringkat menengah dalam sistem pendidikan ketika itu khasnya dari segi alat- alat dan kemudahan yang disediakan antara sekolah bandar dan luar bandar.
- iv. Kurang kesedaran di kalangan anak-anak Melayu mengenai kepentingan pelajaran.
- v. Melahirkan pelajar-pelajar cemerlang seperti yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah berasrama penuh seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar, Kolej Tengku Kurshiah, Sekolah Datuk Abdul Razak dan Sekolah Tun Fatimah.
- vi. Menambah bilangan sekolah-sekolah berasrama penuh dengan kemudahan prasarana dan iklim pembelajaran yang kondusif.

- vii. Menambah bilangan bumiputera khasnya dari kawasan luar bandar yang berpotensi tetapi tidak berpeluang mendapat kemudahan pendidikan yang sempurna.
- viii. Menjadi asas dalam melahirkan anak-anak bumiputera yang bukan sahaja terlatih dalam bidang sains dan teknologi, berketrampilan dan sahsiah yang terpuji.

Sistem Pembelajaran di MRSM

i. Sistem Semester

MRSM mengamalkan sistem semester. Setiap tahun mempunyai dua semester . Pelajar menengah rendah mengikuti enam semester manakala, pelajar menengah atas mengikuti empat semester sahaja untuk memenuhi syarat graduasi

ii. Graduasi

Setiap MRSM mengadakan majlis graduasi pada setiap tahun bagi mengiktiraf pelajar- pelajar yang telah berjaya menamatkan sistem pembelajaran sama ada peringkat menengah rendah atau menengah atas setelah memenuhi syarat graduasi yang telah ditetapkan.

iii. Kurikulum

MRSM menggunakan kurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelajar- pelajarnya juga akan mengambil peperiksaan PMR dan SPM.

iv. Sistem Ujian dan Penilaian

Pelajar- pelajar MRSM akan dinilai mengikut sistem Purata Nilai Gred (PNG).

v. Subjek Khas (KAB, KKB, KPU, dan KPD)

MRSM juga mewajibkan pelajar mengikuti subjek khas . Subjek- subjek khas yang diajar ialah seperti Kemahiran Amalan Belajar (KAB), Kursus Amalan Berfikir (KKB), Kursus Pembangunan Usahawan dan Kursus Penyesuaian Diri (KPD). Subjek ini juga wajib lulus sebagai memenuhi syarat graduasi.

vi. SEM (Schoolwide Enrichment Module)

vii. Sains Komputer

viii. Sistem Homeroom

ix. PUM (Program Usahawan Muda)

x. Kegiatan Kokurikulum

xi. Kemahiran Asas / Insaniah

xii. KAT 1 (Kemahiran Asas Tingkatan 1)

xiii. MIGHTY

xiv. Program Pengantarabangsaan MRSM


PENUBUHAN MRSM : 1970 - 2010

Bil	MRSM	Negeri	RMK	Tahun Mula Beroperasi
1	MRSM KOLEJ MARA	SEREMBAN SEREMBAN	N SEMBILAN	1972 1988
2	MRSM (PKP)	PENKALAN CHEPA	KELANTAN	1973
3	MRSM	KUANTAN	PAHANG	1974
5	MRSM KOLEJ MARA	KULIM KULIM	KEDAH	1977 1988
6	MRSM	KUALA TERENGGANU	TERENGGANU	1978
7	MRSM	MUAR	JOHOR	1980
8	MRSM (PKP)	TUN GHAFAR BABA, JASIN	MELAKA	1981
9	MRSM	BALIK PULAU	P PINANG	1982
10	MRSM (PKP)	TAIPING	PERAK	1982
11	MRSM	TERENDAK	MELAKA	1983
12	MRSM	BESERI	PERLIS	1985
13	MRSM	KUALA KLawang	N SEMBILAN	1987
14	MRSM	PASIR TUMBOH	KELANTAN	1987
15	MRSM	KUALA BERANG	TERENGGANU	1987
16	MRSM	PDRM KULIM	KEDAH	1991
17	Kolej MARA	BANTING	SELANGOR	RMK6 1992
18	MRSM	GERIK	PERAK	1993
19	MRSM	SERTING	N SEMBILAN	1993
20	MRSM	KUCHING	SARAWAK	1993
21	MRSM	MUADZAM SHAH	PAHANG	1995
22	Kolej MARA	KUALA NERANG	KEDAH	RMK6 1995
23	MRSM	KOTA PUTRA, BESUT	TERENGGANU	1998
24	MRSM	LANGKAWI	KEDAH	1999
25	MRSM	PENDANG	KEDAH	2001
26	MRSM	LENGGONG	PERAK	2001
27	MRSM	MERSING	JOHOR	2001
28	MRSM	JELI	KELANTAN	2001
29	MRSM	TRANSKERIAN	P PINANG	2002
30	MRSM	KUALA KUBU BARU	SELANGOR	2002
31	MRSM	BATU PAHAT	JOHOR	2002
32	MRSM	PONTIAN	JOHOR	2002
33	MRSM	KUALA KRAI	KELANTAN	2002
34	MRSM	KUALA LIPIS	PAHANG	2002
35	MRSM	KOTA KINABALU	SABAH	2002
36	MRSM	PASIR SALAK	PERAK	2003
37	MRSM	BESUT	TERENGGANU	2004
38	MRSM	KUBANG PASU	KEDAH	2007

39	MRSM	MERBOK	KEDAH	RMK8	2007
40	MRSM	KEPALA BATAS	P PINANG	RMK8	2007
41	MRSM	GEMENCHEH	N SEMBILAN	RMK8	2007
42	MRSM	ALOR GAJAH	MELAKA	RMK8	2007
43	MRSM	PENKALAN HULU	PERAK	RMK8	2008
44	MRSM	TAWAU	SABAH	RMK8	2008
45	MRSM	KUALA KANGSAR	PERAK	RMK8	2009
46	MRSM	PEKAN	PAHANG	RMK8	2009
47	MRSM	BENTONG	PAHANG	RMK8	2009
48	MRSM	MUKAH	SARAWAK	RMK8	2009
49	MRSM	BETONG	SARAWAK	RMK8	2009
50	MRSM	TUMPAT	KELANTAN	RMK8	2010
51	MRSM	ARAU	PERLIS	RMK8	2010
52	MRSM	TANJUNG KARANG	SELANGOR	RMK9	2010
53	MRSM	RANTAU	N SEMBILAN	RMK9	2010
54	MRSM	FELDA TROLAK	PERAK	RMK9	2008
55	MRSM	BALING	KEDAH	RMK9	2010
56	MRSM	JOHOR BAHRU	JOHOR	RMK9	2010
57	MRSM	TANAH MERAH	KELANTAN	RMK9	2010
58	MRSM	TEMERLOH	PAHANG	RMK9	2010
59	MRSM	DUNGUN	TERENGGANU	RMK9	2010
60	MRSM	SANDAKAN	SABAH	RMK9	2010
61	MRSM	PARIT	PERAK	RMK9	2010

Rajah 5 pula menunjukkan sistem pentadbiran dan pengurusan di peringkat maktab.

Rajah 5 Carta Organisasi MRSM



Sumber : Unit Perhubungan Korporat MARA

Kurikulum MRSM



Kurikulum MRSM boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, berkaitan dengan pembelajaran di dalam bilik darjah dan yang kedua berkaitan dengan pembelajaran di luar darjah. Pada permulaan MRSM, pelajar dibenarkan memakai pakaian bebas ke kelas tetapi selepas tahun 1979. MARA telah mengubah polisi dengan mewajibkan pakaian seragam kepada penuntutnya.

Setelah Kurikulum Lama Sekolah Menengah digantikan dengan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), maka terdapat beberapa perubahan kepada kurikulum MRSM. Banyak kursus baru telah diperkenalkan oleh MARA sebagai kursus khas. Antaranya Kursus Kemahiran Berfikir (KKB), Kursus Amalan Belajar (KAB), Sains Komputer, Perkembangan Kerjaya, Senireka dan keusahawanan.

Bahagian Pendidikan dan Latihan Kemahiran (BPL (K))

BPL(K) bermula dengan penubuhan Unit Kemahiran dan seterusnya penubuhan Sekolah Latihan Kemahiran MARA di Jalan Hang Tuah Melaka pada tahun 1968. Pada tahun 1974 Unit Kemahiran dipertingkat menjadi Cawangan Kemahiran Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA. Pada tahun 1984 Cawangan Kemahiran ini terus berkembang dalam membangunkan latihan kemahiran sehingga peranannya dipertingkatkan kepada Bahagian Kemahiran MARA (BKM). Pada tahun 2002 BKM ditukarkan kepada Bahagian Pendidikan dan Latihan (Kemahiran) sehingga hari ini.

Matlamat:

- a) Membangun dan melaksanakan program baru dan sedia ada yang berkualiti dan diiktiraf oleh pihak awam, swasta dan luar negara.
- b) Menambah bilangan penglibatan Bumiputera Teknikal dalam pelbagai bidang di industri
- c) Menyediakan kemudahan latihan dan infrastruktur dan menepati piawaian yang ditetapkan mengikut perkembangan teknologi semasa.
- d) Meningkatkan kompetensi tenaga pengajar dan menyediakan keperluan K-Pengajar
- e) Melahirkan teknopreneur yang berdaya saing dan berdaya tahan
- f) Menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat yang luwes (fleksibel) bagi memenuhi komposisi tahanan pencapaian.

Institut Kemahiran MARA (IKM)



Logo IKM

Program latihan kemahiran MARA diwujudkan pada tahun 1968 melalui penubuhan IKM pertama di Kuala Lumpur. Terdapat 9 buah IKM yang beroperasi diseluruh negara sehingga 1990 dan kini berjumlah 15 buah IKM diseluruh negara. Dalam tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru(DEB) MARA telah melatih sejumlah 38300 pelatih yang mengikuti latihan di institut dan seramai 8000 pelatih telah dilatih diluar institut.

Melalui program latihan anjuran IKM, MARA telah berjaya meningkatkan pendapatan masyarakat bumiputera dengan menyediakan peluang pekerjaan. Sumbangan bermakna yang diberikan oleh IKM dapat dilihat melalui kejayaan pelatih-pelatihnya dengan menjalankan perniagaan sendiri. Disamping itu pelatih- pelatih IKM menubuhkan syarikat mereka sendiri dan ada dikalangan mereka telah menjadi majikan yang berjaya.

Lepasan IKM juga menempa kejayaan cemerlang dengan menjadi usahawan yang berjaya disamping melatih anak-anak bumiputera yang lain dalam bidang kemahiran.

Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm)



Logo KKTm

Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) ditubuhkan bertujuan untuk menambah bilangan guna tenaga bumiputera yang terlatih dalam pelbagai bidang dan tahap kemahiran untuk sektor perdagangan dan perindustrian. Disamping itu, tujuan lain penubuhannya ialah mewujudkan bakal-bakal usahawan berkemahiran teknikal.

Sejarah penubuhan KKTm ini bermula apabila 3 buah Institut Kemahiran MARA (IKM) yang di naik taraf kepada KKTm, iaitu IKM Balik Pulau, IKM Pasir Mas dan IKM Petaling Jaya. Sejarah KKTm bermula apabila Institut Kemahiran

MARA (IKM) yang menawarkan program peringkat Sijil telah dinaiktaraf kepada peringkat Diploma dalam Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM).

Untuk memantapkan organisasi KKTM, beberapa program telah dilaksanakan oleh MARA.

Antaranya seperti

a) Program Pengukuhan (*Enhancement Programmes*).

Melalui program ini, MARA menyediakan laluan kepada lepasan pelatih IKM/KKTM dan pekerja dalam bidang teknikal yang berkaitan. Sebanyak 3 kursus 'Enhancement' dilaksanakan di KKTM seperti:-

i) *Programmable Logic Control*

ii) *Multimedia (Technical Presenter)*

iii) *Microchip and Microcontroller*

b) Pelantikan Perunding Teknologi

Program ini adalah untuk membangun dan melaksanakan kursus-kursus baru di pusat-pusat baru (melibatkan 2 KKTM baru sahaja).

c) Pematuhan Piawaian Perlaksanaan Peperiksaan Berpusat

Tujuan program adalah sebagai pematuhan kepada standard dan kualiti penilaian peperiksaan.

d) Program Mentor Mentee

Tujuan program ini adalah member dan membangunkan kesedaran mengenai kepentingan emosi pelajar. Selain itu, ia juga berhasrat member peluang dan kehidupan yang selesa bagi menjamin kebajikan pelajar terbela sepanjang pengajian.

e) Program Teknikal Inkubator

Dalam program ini, pelatih-pelatih yang berminat untuk menjadi usahawan akan diberikan latihan selama setahun sebelum menjadi usahawan sepenuhnya.

Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT)

Bahagian ini bermatlamat menyediakan peluang pendidikan professional dan separa professional serta menambah bilangan dan meningkatkan kemahiran guna tenaga Bumiputera dalam bidang Perdagangan, Perakaunan, Teknologi Maklumat, Agro-Business, Kejuruteraan Teknologi melalui institusi pendidikan dan kemahiran di bawah kawalannya. BPT juga berperanan sebagai penyelarass pengambilan pelajar ke Institusi-institusi Pendidikan Tinggi MARA. Institusi-institusi pendidikan di bawah BPT ialah:

a) Kolej MARA(KM)

b) Kolej Profesional MARA(KPM)

- c) Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan cawangan
- d) German Malaysian Institute (GMI)
- e) Kolej Poly-tech MARA (KPTM)

Kolej MARA (KM)

Kolej MARA (KM) ditubuhkan bagi mengendalikan program pra-univeristi untuk pelajar-pelajar yang layak meneruskan pengajian ke peringkat ijazah di dalam dan di luar negara. Terdapat 4 buah kampus diseluruh negara seperti berikut :

- i. Kolej MARA Seremban
- ii. Kolej MARA Banting Selangor
- iii. Kolej MARA Kulim Kedah
- iv. Kolej MARA Kuala Nerang Kedah

Kursus-kursus yang dijalankan di Kolej MARA merupakan program persediaan bagi lulusan SPM untuk melayakkan mereka mengikuti kursus peringkat ijazah dalam bidang sains, teknologi dan Sastera Ikhtisas di universiti luar negara dan universiti awam dan swasta tempatan.

Program-program yang dilaksanakan di Kolej MARA seperti berikut :

- i. Program GCE A – Level
- ii. Program International Baccalaureate
- iii. Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia
- iv. Program Persediaan Teknologi Kejuruteraan Univerisiti Kuala Lumpur

Kolej Profesional MARA (KPM)



Logo KPM

KPM merupakan kolej bantuan penuh kerajaan yang ditubuhkan oleh MARA bagi menambah bilangan tenaga kerja Bumiputera dalam sektor awam dan swasta terutamanya dalam bidang Perdagangan, Perakaunan, Agro Business dan Teknologi Maklumat serta menambahkan bilangan kelulusan akademik cemerlang dalam

kalangan Bumiputera. Terdapat empat buah kampus KPM di seluruh negara seperti berikut :

- a) KPM Beranang Selangor
- b) KPM Melaka, Melaka
- c) KPM Indera Mahkota, Pahang
- d) KPM Seri Iskandar, Perak

Program-program yang dijalankan di KPM secara sepenuh masa dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar kecuali kursus-kursus Pendidikan Islam dan kursus-kursus wajib LAN. Kurikulum bagi program-program yang dijalankan di KPM lebih menekankan pembelajaran yang membolehkan para graduan KPM berkemampuan memilih samada memasuki bidang pekerjaan atau melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah.

Kurikulum program *Diploma In English Communication* (DECom) digubal dengan kerjasama *University Of South Australia* (UniSA). Manakala semua program H&D ialah program yang berdaftar secara langsung dengan *Edexcel Foundation/Business and Technology Education Council* (BTEC) United Kingdom iaitu sebuah badan pertubuhan yang menganugerahkan kursus *Higher National Diploma* (HND), yang diiktiraf diperingkat antarabangsa. Disamping itu *Bradford School of Law and Business, United Kingdom* merupakan rakan kualiti daripada pensyarah-pensyarah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)

Universiti Kuala Lumpur (UniKL)



Logo UniKL

UniKL ditubuhkan pada 20 Ogos 2002 sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), di bawah Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996. UniKL dikelolakan oleh Universiti Teknikal MARA Sdn,Bhd, sebuah syarikat milik penuh MARA yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.

Objektif UniKL memberi pendidikan akademik bertaraf dunia dan juga menyediakan peluang latihan teknikal dan kemahiran yang akan melahirkan pakar-pakar teknikal bagi membantu membangunkan negara kearah pewujudan k-ekonomi.

Terdapat 3 buah fakulti dan 7 kampus cawangan UniKL yang menawarkan kursus pada peringkat Ijazah, Diploma Lanjutan dan Diploma mengkhususkan Program Teknikal dan Teknologi melalui perpindahan teknologi daripada negara seperti Australia, Britan, Perancis, Sepanyol dan Amerika Syarikat. Bidang-bidang yang ditawarkan di UniKL pusat ialah :

- a) *Faculty of Multimedia, Communication and Information Technology*
- b) *Faculty of Product Design & Manufacturing Engineering Technology*
- c) *Faculty of Engineering Business & Management*

Cawangan UniKL

Terdapat 8 kampus cawangan serta bidang-bidang yang ditawarkan adalah seperti berikut :

- a) UniKL- British Malaysian Institute (BMI)
 - Electronic Engineering
 - Electrical Engineering
 - Medical Electronic Engineering
 - Communication Engineering
 - Information Technology
 - Computer System Engineering
- b) UniKL-Malaysia France Institute (MFI)
 - Air Conditioning & Refrigeration
 - Automated System Maintenance
 - Electrical Equipment & Installation
 - Machine Building & Maintenance
 - Welding Technology
 - Metal Fabrication Technology
 - Automotive
 - Automation Robotic
 - Computer & Networking Technology
- c) UniKL-Malaysia Institute of Aviation Technology (MIAT)
Professional(licensed program)
 - Aircraft Manintenance Technology,Aircraft Engineering Techonology
Diploma in Engineering Technology
 - Avionic,Composite,Manufacturing Technology, Helicopter and Aeroplane
Maintenance
- d) UniKL-Malaysian Spanish Institute (MSI)
 - Mechanical Project Design and Development

- Machining and Moulds Manufacturing
 - Production by Machining
 - Automation Regulation and Control System
 - Installation and Electromechanical Maintenance
- e) UniKL-Malaysian Institute of Chemical Engineering Technology (MICET)
- Engineering Technology (Chemical)
 - Biosystem Engineering Technology
- d) UniKL-Malaysia Institute of Marine Engineering Technology (MIMET)
- Engineering Technology in Ship Design, Ship Construction & Maintenance and Marine Engineering
- e) UniKL-MARA Institute of Information Technology (MIIT)
- Animation, Multimedia & Information Technology
 - Computer Science & Network
 - Software Engineering
 - E-Commerce
 - Kursus Jangka Pendek (Short Term Courses)
- f) UniKL-Royal College of Medicine Perak (RCMP)
- Pharmacy
 - Nursing
 - Radiography
 - MBBS-Universiti Malaya

German Malaysian Institut (GMI)



GMI ditubuhkan pada tahun 1992 di Cheras, melalui usahasama kerajaan Malaysia dan Jerman. Pembangunan program dan perpindahan teknologi di GMI dilaksanakan dengan kerjasama dan kepakaran institusi pengaji tinggi Jerman serta syarikat-syarikat Jerman di Malaysia. Melalui program pengajian dan latihan teknikal, GMI melaksanakan program kemahiran peringkat Diploma Teknologi/Industri dalam beberapa bidang strategik seperti Mould & Die, Mekatronik, Elektronik dan Teknologi Maklumat, dan Instrumentasi dan Kawalan Proses.

Antara kursus yang ditawarkan ialah :

- a) Ijazah Sarjana Muda Sepenuh Masa
 - Mechatronics Engineering
 - Tooling Engineering
- b) Diploma Sepenuh Masa
 - Industrial Electronics
 - Production Technology
 - Network Security
- c) Diploma Separuh Masa
 - Manufacturing Technology
 - Automation/Mechatronic Technology
- d) Persediaan A-Level Jerman Sepenuh Masa

Kolej Poly-Tech MARA



Logo Kolej Poly-Tech

Kolej Poly-Tech MARA(KPTM) ditubuhkan pada 24 Mei 2003 bertujuan untuk mengambil alih semua program pendidikan peringkat sijil,diploma dan ijazah sebelumnya dikendalikan oleh Yayasan Pelajaran MARA (YPM). KPTM yang beroperasi adalah seperti berikut :

- a) KPTM Kota Bharu
- b) KPTM Kuantan
- c) KPTM Bangi
- d) KPTM Kuala Lumpur
- e) KPTM Alor Setar
- f) KPTM Batu Pahat
- g) KPTM Ipoh



Logo GIATMARA

GIAT MARA adalah salah satu anak syarikat MARA. Pusat GIAT yang pertama ditubuhkan di Jitra Kedah pada 12 Januari 1986. Pihak MARA telah menamakan pusat latihan ini sebagai pusat yang membawa maksud “ Bergiat Aktif”. Bermula dari konsep mini IKM yang diubah kepada konsep 1 Daerah 1 Pusat dan Akhirnya 1 Parlimen 1 Pusat, GIAT MARA turut mempunyai 2 pusat komuniti di Tanjung Agas Johor dan Pongsu Seribu Pulau Pinang.

Sehingga 31 Disember 2007 terdapat 189 pusat GIAT MARA telah beroperasi termasuk 5 cawangan pusat GIAT MARA. Menjelang akhir RMK 9 dijangka 209 pusat termasuk cawangan akan beroperasi. Objektif penubuhannya :

- i. Meningkatkan bilangan bumiputera yang mempunyai kemahiran teknikal dan vokasional yang bersesuaian dengan keperluan Negara
- ii. Menambahkan bilangan bakal usahawan bumiputera yang berdaing saing dipasaran
- iii. Meningkatkan bilangan tenaga pengajar yang kompeten dan berkelayakan dalam bidang teknikal dan pengajaran

Modul Pengajaran

Semua latihan akan diberikan oleh tenaga pengajar pakar dalam bidang teknikal yang berkaitan bagi kursus sepenuh masa manakala bagi kursus jangka pendek pula tenaga pengajar pakar menyediakan modul lengkap mengikut kursus yang berkaitan. Senarai kursus yang ditawarkan di GIAT MARA melibatkan 29 kursus sepenuh masa manakala kursus-kursus jangka pendek seperti fotografi,refleksologi,membaiki telefon bimbit dan kursus IT ditawarkan dari masa kesemasa.

Sasaran peserta kursus seperti berikut :

- a) Kursus Sepenuh Masa
Terbuka kepada semua golongan belia dan masyarakat yang ingin mengikuti bidang tertentu dan tempoh masa yang ditetapkan diantara 6 bulan hingga 1 tahun berasaskan sistem MLVK. Bilangan pengambilan pelatih kursus sepenuh masa bagi tahun 2007 adalah seramai 16553 orang dan seramai 14559 orang pelatih berjaya menamatkan kursus.

b) **Kursus Jangka Pendek**

Kategori ini terbuka kepada penduduk setempat yang berminat mendapatkan kemahiran dalam pelbagai bidang. Tempoh kursus adalah antara 2 hari hingga 6 bulan. Bilangan pelatih bagi kursus ini adalah seramai 345 orang pada tahun 2007.

Program Khas GIAT MARA

- i. Latihan Kemahiran GIAT MARA Pelajar-Pelajar Etnik India
 - Program usahasama antara GIAT MARA – Yayasan Strategik Sosial bagi melatih minority etnik India dalam beberapa bidang ialah Automotif, Pendawaian Elektrik dan Jahitan di Pusat Latihan yang sedia ada.
- ii. Latihan Kemahiran GIAT MARA Pelajar-Pelajar Selatan Thailand
 - Program Latihan Kemahiran GIAT MARA untuk pelajar-pelajar Selatan Thailand adalah hasil inisiatif Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di bawah JDS (*Joint Development Strategy for Border Areas*). Usaha ini dijalankan untuk memberi nilai tambah kepada tahap kemahiran warga Selatan Thailand sekaligus membantu mereka meningkatkan taraf hidup melalui penceburan pekerjaan atau perniagaan berasaskan kemahiran. Bidang kemahiran yang ditawarkan ialah fabrikasi logam, membuat perabot, teknologi bangunan dan membuat pakaian. Sehingga kini seramai 45 orang pelajar telah menamatkan pengajian mereka di GIAT MARA.

Program Latihan Industri di Jepun (OISCA)



Logo OISCA

Program ini merupakan usahasama dengan badan luar dari Jepun iaitu *Organization for Industrial Spiritual and Cultural Advancement (OISCA)*. Ianya secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti para pelatih bagi mencapai standard industri dan dapat memberi peluang pekerjaan yang luas kepada pelatih setelah tamat latihan. Program OISCA ini turut melibatkan 115 pelatih IKM diseluruh negara.

Penubuhan OISCA ditubuhkan untuk :

- a) Meningkatkan kemahiran teknologi ke peringkat lebih tinggi
- b) Melahirkan tenaga mahir yang berdisiplin tinggi
- c) Transformasi pengetahuan kemahiran dari negara maju untuk diadaptasikan didalam sector kemahiran negara

3.2 CABARAN DAN MASA DEPAN MARA

Pengenalan

Penubuhan MARA pada tahun 1966 adalah bertujuan untuk memajukan kaum Bumiputera dalam bidang ekonomi dan sosial supaya seiring dengan kaum- kaum lain di negara ini. Sehubungan itu, pelbagai perancangan dan program dilaksanakan bagi mencapai matlamat yang dihasratkan. Perkembangan semasa yang berlaku menyebabkan pihak pengurusan MARA perlu memikirkan program yang lebih dinamik dan menjangkau masa hadapan. Dalam melaksanakan program –program yang dirangka banyak halangan dan cabaran semasa yang perlu diatasi. Oleh itu, pengurusan MARA telah merangka pelan strategik MARA dari tahun 2006 hingga 2015 bagi memacu MARA terus mara ke arah kegemilangan.

3.2.1 Dasar dan Hala Tuju

Pelan Strategik MARA (PSM) 2006-2015 ialah satu pelan jangka panjang MARA yang dibangunkan khusus untuk memberi tumpuan kepada pembinaan daya saing bumiputera dalam era k-ekonomi. PSM meletakkan konsep “3K” (k-usahawanan, k-pekerja, k-organisasi) sebagai teras strategik MARA.

Pendekatan Hala Tuju MARA

Hala tuju MARA dibuat berdasarkan analisis global dengan mengambil kira dasar jangka panjang negara, polisi semasa, hasrat bumiputera dan wawasan pemimpin. Pendekatan MARA memberikan tumpuan yang seimbang kepada anjakan k-ekonomi. MARA akan memberikan sumbangan nilai terbesar kepada pertumbuhan ekonomi bumiputera pada masa hadapan. Pada masa yang sama, MARA akan terus mengekalkan peranan tradisinya membantu usahawan kecil dalam bidang konvensional bagi memenuhi objektif yang terkandung dalam akta MARA.

Pelan Strategik MARA(PSM)

Hasrat PSM adalah untuk memainkan peranan yang lebih besar dan berkesan dalam memenuhi agenda Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). PSM berhasrat mengembangkan nilai pemilikan bumiputera dalam bidang ekonomi samada dalam usahaniaga konvensional dan bidang-bidang baru k-ekonomi.

Matlamat Strategik MARA

Matlamat strategik MARA telah ditetapkan mengikut tiga perspektif utama *stakeholders* ke atas perkhidmatan yang disediakan dalam Sektor Usahawan dan Sektor Pendidikan yang disokong oleh sektor khidmat pengurusan iaitu :

- i. mengukuhkan nilai pemilikan usaha niaga konvensional Bumiputera
- ii. membina nilai pemilikan bumiputera dalam bidang k-ekonomi
- iii. meningkatkan pembabitan tenaga kerja Bumiputera dalam k-ekonomi

Matlamat Strategi Sektor Usahawan

Mengembangkan nilai pemilikan bumiputera dalam ekonomi melalui agenda pembentukan usahawan Bumiputera berpengetahuan (k-entrepreneur) berdasarkan matlamat :

- a) membina kelebihan relatif usahawan bumiputera dalam bidang konvensional melalui program keusahawanan yang lebih berkesan
- b) menempatkan bumiputera dalam k-ekonomi agar dapat berdaya saing dalam pelbagai bidang yang bakal muncul dan teknologi baru.

Matlamat Strategi Sektor Pendidikan

Melahirkan tenaga kerja bumiputera berpengetahuan (k-worker) yang berdaya saing dan menyumbangkan nilai yang tinggi dalam kegiatan usahaniaga konvensional dan lain- lain bidang baru .

Matlamat Strategi Sektor Khidmat Pengurusan

Menjadikan MARA sebuah organisasi berasaskan pengetahuan (knowledge-based organization) yang menekankan tahap kompetensi. Ia merupakan kombinasi pembangunan insaniah, infrastruktur dan struktur organisasi yang menyokong hasrat strategik MPPB sejajar dengan perubahan persekitaran domestik dan global.

3.2.2 MARA PEMACU K-EKONOMI

PSM adalah sebagai pemacu (Driver) strategi untuk mencapai matlamat teras 3K (k-usahawanan,k-pekerja,k-organisasi) yang ditetapkan bagi setiap sektor.

MARA Sebagai K-Organisasi

Selaras dengan hasrat strategik MARA untuk membangunkan k-ekonomi dalam kalangan usahawan bumiputera, MARA turut berubah menjadi sebuah *k-based organization* (KBO) dengan melakukan perkara-perkara berikut :

- i. Memanfaatkan pengetahuan *leveraging on knowledge*
 - a) Pengetahuan Dalaman

Menyediakan kepakaran dalaman yang responsif kepada transformasi k-ekonomi dan hasrat PSM. Isu-isu yang wajar di nilai dan dimanfaatkan ialah :

 - i. Kajian oleh pelajar-pelajar tajaan MARA, khususnya diperingkat sarjana(*post-graduate*) yang berpotensi untuk diuruskan sebagai harta intelek dan dikomersialkan
 - ii. Pegawai MARA telah terdedah dan memiliki pelbagai pengalaman serta kemahiran keusahawanan dan pendidikan. Potensi ini perlu digembelingkan secara lebih sistematik untuk menyokong pembabitan dalam ekonomi secara lebih strategik.
 - b) Pengetahuan luar
 - i. Terdapat banyak kemudahan dan program yang disediakan oleh pelbagai agensi untuk membantu usahawan, namun ramai usahawan tidak mengetahui mengenainya dan MARA boleh memainkan peranan sebagai “*central node*” dalam rangkaian agensi-agensi ini.
 - ii. MARA perlu memanfaatkan *technology forecast* yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi lain untuk mengukuhkan program keusahawanan
 - iii. MARA perlu memanfaatkan harta intelek yang dihasilkan oleh institusi penyelidikan untuk tujuan aktiviti keusahawanan
- ii. Memanfaatkan *Emerging Sector*
 - a) Pertumbuhan sektor dalam k-ekonomi biasanya berlaku secara berkelompok. kepentingan kelompok-kelompok industri turut ditekankan didalam Pelan Induk Perindustrian(PIP) negara. MARA akan menentukan kelompok-kelompok teknologi strategik bertujuan membantu dan membiayai pembabitan

bumiputera. Usahawan-usahawan yang diklasifikasi berpotensi akan dibangunkan dan diberi sokongan menceburi bidang-bidang teknologi strategik. Program-program disektor usahawan dan sektor pendidikan akan menjurus kepada latihan dalam bidang teknologi-teknologi berkaitan yang telah dikenalpasti.

Antaranya :

- Bioteknologi
- Herba dan Asas Tani
- Biokomposit
- Aeroangkasa
- Maritim
- Automotif
- Farmaseutikal
- Teknologi Nano

- b) Model-model pembangunan dan pembiayaan usahawan yang baru perlu diwujudkan bagi menyediakan latihan yang lebih konstruktif dan berkesan untuk penyertaan bumiputera

MARA Melahirkan K-Pekerja

Matlamat MARA melahirkan k-pekerja untuk menyokong penglibatan berkesan usahawan bumiputera di dalam bidang sedia ada dan bakal muncul.

Strategi MARA Melahirkan k-pekerja

1. Mengeksploitasi kekuatan program MARA

Memberi penumpuan kepada melahirkan graduan dan tenaga mahir berpengetahuan(k-pekerja) yang berdaya saing dan berorientasikan keusahawanan untuk menerajui usaha niaga bidang konvensional dan bakal muncul dalam industri. MARA akan mengeksploitasi sepenuhnya gandingan institusi pendidikan dan latihan MARA dengan sektor usahawan kearah melahirkan k-pekerja.

2. Melahirkan K-Pekerja Bumiputera

- a) Sektor pendidikan diperkukuhkan untuk menyediakan tenaga kerja yang dapat memenuhi keperluan dalam sektor usahawan. Ini dilakukan

melalui perancangan di peringkat makro untuk meneliti keperluan tenaga kerja bagi menyokong usaha niaga dalam bidang-bidang baru yang bakal muncul.

- b) Menambah bilangan pelajar yang ditaja dalam bidang sains tulen untuk meningkatkan jumlah bumiputera dalam bidang seperti bioteknologi dan *advance material*.
- c) Program pendidikan dan latihan akan memberi tumpuan kepada kepakaran masa hadapan dan mengintegrasikan di dalam program bimbingan kerjaya
- d) Penajaan pelajaran akan dilakukan secara lebih strategik untuk pelajar-pelajar sarjana dengan mengenalpasti bidang penyelidikan dan pembangunan yang mempunyai nilai komersial selari dengan keperluan sektor usahawan.

Program Teras K-Pekerja

1. Program Semai Saintis

Program ini bertujuan meningkatkan penajaan pelajar dalam bidang Sains Tulen dan Sains Gunaan. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai nisbah 60:40 antara pelajar dalam bidang sains dan bukan sains. Penajaan pelajar bidang-bidang Sains Tulen akan dilaksanakan berpandukan kepada nisbah tersebut. Langkah ini akan melahirkan lebih ramai saintis yang akan meningkatkan keupayaan sesebuah negara untuk membangunkan kegiatan sains dan teknologi.

2. Program Semai Sarjana

Memberi tumpuan kepada peningkatan penajaan pengajian peringkat pasca siswazah. Peruntukan khusus perlu disalurkan kepada pelajar pasca siswazah ke universiti berwibawa yang berasaskan sains dan teknologi. Ini memberi peluang kepada pelajar bumiputera menjalankan penyelidikan terkini dan termaju seperti yang dijalankan di *Massachusetts Institute of Technology*. MARA juga menaja pengajian peringkat Sarjana dengan pengkhususan dalam penyelidikan yang dapat menyokong program kelompok usahawantekno untuk melahirkan usahawan dalam kelompok strategik.

3. Program Bina Bumiputera Profesional

Program ini dikhususkan untuk pelajar-pelajar cemerlang dalam bidang teknologi strategik. Kumpulan ini akan ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pasca siswazah untuk mengembangkan potensi mereka selepas tamat pengajian. Program ini akan menerangkan konsep *The Towering Malays* bagi kaum Melayu menghayati visi dan agenda nasional iaitu melahirkan Melayu unggul dan GLOKAL.

4. MRSM Usahawan

Bertujuan melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai kecenderungan keusahawanan tinggi dan pada masa yang sama mempunyai pendidikan yang baik dan berpotensi menjadi usahawantekno. Pemilihan untuk memasuki MRSM Usahawan akan dibuat berdasarkan penilaian personaliti bagi memilih yang mempunyai profil yang menepati sifat-sifat keusahawanan.

5. Program Laluan Peningkatan

Program ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang sudah memiliki kelulusan diploma(bukan bidang teknikal)melanjutkan pelajaran diperingkat ijazah. Usaha ini perlu kerana sebahagian besar daripada siswazah bumiputera yang menganggur terdiri daripada pemegang diploma(bukan bidang teknikal). Kurikulum mestilah direka khas untuk menekan latihan keusahawanan,kreativiti dan menjuruskan kumpulan sasar kedalam bidang teknologi strategik yang permintaan tinggi dipasaran.

6. Program Waja Diri

Melalui program ini pelajar akan dilatih untuk membentuk ketrampilan diri dan daya kreativiti bagi mencapai hasrat yang terkandung dalam strategi sektor pendidikan. Program ini adalah penambahbaikan kepada aktiviti-aktiviti sedia ada. Antara pembaikan yang dilakukan ialah :

- a) Menjadikan program pembinaan ketrampilan pelajar sebahagian daripada kurikulum Institusi Pendidikan MARA.
- b) Mewajibkan program pembinaan ketrampilan kepada pelajar-pelajar tajaan MARA.

- c) Mengkhususkan kandungan program pembinaan ketrampilan dan kreativiti serta *soft skill* mengikut jurusan pengajian. Ini kerana keperluan ketrampilan adalah berbeza mengikut pengkhususan pengajian.
- d) Pelaksanaan program ini perlu menitik beratkan kemahiran berkomunikasi, ketangkasan dan keyakinan diri selaras dengan keperluan industri.

7. Program Laluan Saujana

Program ini melibatkan aktiviti-aktiviti yang membolehkan pelajar-pelajar GIAT MARA dan IKM yang berpotensi memajukan diri melalui laluan GIAT-IKM-UniKL. Ini dapat meningkatkan jumlah tenaga kerja mahir dan graduan yang dihasilkan melalui sistem pendidikan dan latihan MARA. Antara program yang akan dilaksanakan ialah menyelaraskan kurikulum untuk membolehkan pelajar menggunakan laluan ini.

8. Program Pengukuhan Bimbingan Kerjaya

Kandungan program ini meliputi bimbingan kerjaya kepada pelajar di Institut Pendidikan MARA (IPMa) khususnya pelajar bumiputera. Antara elemen-elemen yang ditekankan ialah :

- a) Melatih guru-guru bimbingan kerjaya dalam memberikan maklumat terkini tentang ICT dalam program kerjaya dan pengajian
- b) Meningkatkan kualiti maklumat kepada bidang-bidang yang bakal muncul
- c) Memberi maklumat mengenai pelbagai laluan pendidikan yang boleh digunakan pelajar untuk mencapai sesuatu matlamat kerjaya
- d) Memberi bimbingan untuk menyesuaikan pengambilan mata pelajaran pada peringkat sekolah rendah dengan pengkhususan pada peringkat tinggi dan kerjaya pilihan
- e) Menyediakan ujian penilaian diri untuk membolehkan pelajar menguji kesesuaian kebolehan mereka dengan sesuatu kerjaya

9. Program Pengukuhan Prasarana Teknologi Maklumat

Pelaksanaan program ini bertujuan untuk meningkatkan prasarana, sistem dan pengetahuan serta penguasaan teknologi maklumat di IPMa selaras dengan perkembangan semasa

10. Program Lifelong Learning

Program ini berkonsepkan terbuka iaitu *open entry, open exit*. IPMa dikehendaki mengenal pasti bidang-bidang yang mempunyai guna tenaga tinggi dipasaran bagi memenuhi keperluan sumber guna tenaga negara. Merit kemasukan pelajar dan sistem peperiksaan juga hendaklah disesuaikan dengan konsep terbuka. IPMa perlu mengubal modul kursus dan peraturan yang bersesuaian untuk menjayakan program ini. Modul latihan dan pembelajaran juga hendaklah berorientasikan keusahawanan dan meningkatkan daya saing siswazah di dalam pasaran guna tenaga.

Program Pelengkap K-Pekerja

Program ini diwujudkan bertujuan melengkapkan program teras yang telah dirancang. Antara program yang akan dilaksanakan ialah :

- a) Program Usahawan Muda (PUM)
- b) Program Usahawan Tunas MARA (PUTRA)
- c) Program Bahasa Asing

Senarai Rujukan

1. Ramlah Adam, (1993), *Dato' Onn Ja'afar Pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
2. Fadzli Abdullah, Kassim Thukiman, (2007), *Onn Ja'afar Pejuang Terbilang- Pengasas Sebuah Negara Bangsa*, MPH Publishing Sdn.Bhd, Putrajaya Selangor.
3. Siri Tokoh-tokoh Sejarah (Dato' Onn Ja'afar), Associated Educational Distributers (M) Sdn.Bhd, 2004.
4. Tesis Perkembangan Pendidikan di Bawah Pentadbiran Majlis Amanah Rakyat (MARA), Abdul Halim Mahmud, 1966-1990.